



Hujung Minggu

فیتا بروندی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.44 SUBUH 4.54 SYURUK 6.11 DUHA 6.34 ZUHUR 12.17 ASAR 3.19 MAGHRIB 6.20 ISYAK 7.29 Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 69 BILANGAN 111

14 SEPTEMBER 2024 / 1446 ١٠ بیان الال

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU PERCUMA

مانیسش ایمان

"KATAKANLAH (wahai Nabi Muhammad) : Inilah jalan-Ku, Aku dan orang-orang yang mengikuti-Ku menyeru (kamu) kepada (agama) Allah atas (dasar) hujah yang nyata (dan meyakinkan)".

- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Yusuf, ayat 108

PELANCARAN SETEM KOMEMORATIF SEMPENA 40 TAHUN HUBUNGAN NBD, SINGAPURA

■ Siaran Akbar : Jabatan Perdana Menteri

REPUBLIK SINGAPURA, Jumaat, 13 September. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat menghadiri Majlis Pelancaran Setem Komemoratif bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Ke-40 Hubungan Diplomatik antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Singapura, bersama Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong, berlangsung di Istana Villa, Republik Singapura.

>> Muka 3

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berjabat mesra bersama Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong Majlis Pelancaran Setem Komemoratif berkenaan. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi.



Persidangan Kemahiran Dunia 2024 : Teroka strategi, perkukuhkan sistem TVET

■ Siaran Akbar dan Foto : Kementerian Pendidikan

REPUBLIK PERANCIS, Jumaat, 13 September. - Persidangan Kemahiran Dunia 2024 atau WorldSkills Conference 2024 telah berlangsung pada 10 hingga 12 September 2024 di Eurexpo Lyon, Republik Perancis.

Hadir ke persidangan tersebut ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Persidangan tersebut berlangsung bersempena Pertandingan Kemahiran Dunia Kali Ke-47 atau 47th WorldSkills Competition yang diadakan bermula pada 11 hingga 15 September 2024.

Dengan tema 'Moving Technical and Vocational Education and Training (TVET) to the Top of the Global Agenda', persidangan tersebut membincangkan kepentingan TVET dan kemahiran dalam pembangunan sumber manusia dan ekonomi.

>> Muka 10

24 pelajar menerima Penganugerahan Biasiswa KHEU

■ Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 September. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Pengajian Islam (JPI) pagi tadi mengadakan Majlis Doa Kesukuran Bagi Penganugerahan Biasiswa KHEU, Sesi Akademik 2024/2025 bagi 19 pelajar yang ditawarkan biasiswa untuk mengikuti pengajian di luar negara dan juga lima pelajar menerima biasiswa dalam negeri.

Majlis Doa Kesukuran berkenaan diadakan di Dewan An-Naura, Kompleks Yayasan

Sultan Haji Hassanal Bolkiah, di ibu negara. Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udina Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

>> Muka 8

Komitded mempelbagaikan ekonomi lebih berdaya tahan, mesra alam

■ Oleh : Haniza Abdul Latif

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 12 September. - Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, Negara Brunei Darussalam (NBD) telah membuat kemajuan yang ketara dalam mempelbagaikan ekonomi selain daripada bergantung kepada minyak dan gas.

Melalui kerjasama strategik dengan pelabur asing dan sokongan aktif institusi kewangan

tempatan, ia telah membawa kejayaan dalam pembangunan sektor-sektor baharu seperti petrokimia, baja, pelancongan, ICT dan makanan halal.

Inisiatif-inisiatif tersebut bukan sahaja menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara tetapi juga mencipta ekonomi yang lebih pelbagai.

>> Muka 9



Berita Utama



183 pegawai, anggota pangkat rendah PPDB terima PKLP

Muka 11



MESYUARAT tingkatkan kerjasama perdagangan ASEAN

Muka 15



ILC : Bincang prinsip kepimpinan dalam konteks ajaran Islam

Muka 23



BERHATI-hati guna Wi-Fi awam, elak aplikasi diceroboh berisiko kena godam

Muka 27

Sebar luas syiar Islam serta bacaan Al-Quran

*Assalamu 'Alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh,
Bismillahir Rahmanir Rahim,
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,
Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyraf
Mursaleen,
Sayyidinaa Muhammadin,
Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een,
Waba'du*

SYUKUR ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala di atas izin dan limpah rahmat-Nya juga, kita sekali lagi dapat berkumpul di Majlis Haflut Takharruj, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah kali yang kedua belas bagi meraikan dan memberikan pengiktirafan kepada 20 graduan Diploma 'Aliyah Qiraat.

Terlebih dahulu, saya merakamkan rasa syukur dan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada para graduan atas kejayaan yang telah dicapai. Saya percaya majlis ini adalah antara saat yang paling bermakna kepada setiap graduan dalam mengharungi tempoh pengajian selama tiga tahun di peringkat diploma dan menghafaz 30 Juzuk Al-Quran dan setentunya akan menjadi kenangan manis yang abadi.

Lebih bermakna lagi, di sebalik pencapaian yang dikehendaki ini sudah setentunya ada insan-insan mulia yang sentiasa tetap berdiri teguh menyokong dan memberi semangat yang tidak putus-putus untuk setiap graduan. Mereka adalah para ibu bapa termasuk penjaga para graduan. Sekalung tahniah kepada mereka-mereka ini yang sentiasa mendoakan dan bersedia berkorban masa,

tenaga dan wang ringgit sebagai dukungan untuk bersama-sama menyumbang kepada kejayaan bermakna anak masing-masing.

Tidak lupa juga, ucapan penghargaan ditujukan kepada para tenaga pengajar dan seluruh warga institut atas komitmen berterusan dalam mendidik dan membimbing para graduan. Kepada Allah Subhanahu Wata'ala jua dipanjatkan doa bagi sebaik-baik kurnia ganjaran terhadap semua yang terlibat yang menjadi asbab kejayaan para graduan.

Saya juga bersyukur kejayaan para pelajar dan graduan di Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah adalah juga menyumbang kepada pencapaian Matlamat Wawasan Brunei 2035, khususnya dalam melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran dan berjaya.

Mereka yang menuntut ilmu di sini merupakan kalangan rakyat Brunei yang terpilih dan menjadi sebahagian aset yang amat berharga kepada pembangunan negara. Setiap ilmu yang ditimba dan kemahiran yang diraih sepanjang pengajian akan dapat memastikan tercapainya aspirasi negara khasnya bagi melengkapi mereka dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran Abad Ke-21 yang bermanfaat dunia dan ukhwari.

Sebagaimana yang disebutkan para ulama bahawa Al-Quran itu memiliki banyak nama. Salah satu nama Al-Quran adalah 'Asy-Syifa' yang bermaksud penawar, iaitu merujuk kepada mafhum Surah Al-Isra', ayat 82 :

"Dan Kami menurunkan daripada Al-Quran (sesuatu) yang menjadi penawar dan rahmat bagi orang yang beriman."

Dalam hubungan ini, saya sukacita

memetik kurnia titah Paduka Ayahanda pada Majlis Musabaqah Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan 1445 Hijrah :

"Memang menjadi dasar kerajaan menjadikan Al-Quran untuk dibaca dan ditadabbur ayat-ayatnya untuk kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat. Al-Quran tidak syak lagi adalah sumber keberkatan dan kekuatan yang tidak ada tolok bandingnya. Sebab itu Negara Brunei Darussalam tidak boleh berenggang dari Al-Quran."

Menyebut mengenai penyakit rohani, teringat kita kepada isu gejala mental yang sedang rancak diperkatakan akhir-akhir ini. Pihak berkenaan di negara ini patut sensitif untuk melihat bagaimana cara merawat atau menangani gejala ini dengan Al-Quran. Cara itu tentu sahaja ada menurut Al-Quran. Inilah namanya kita berpandu kepada Al-Quran, dengan memanfaatkan segala ajarannya bagi mengatasi apa jua masalah yang berkaitan."

Bersinambung dengan Titah Perutusan sempena Awal Tahun Hijrah 1446, Paduka Ayahanda selanjutnya menitahkan :

"Usaha-usaha yang sedia ada perlu dipertingkatkan lagi, supaya isu ini dapat ditangani dengan lebih berkesan. 'Program Kesihatan Mental' secara saintifik dan kerohanian hendaklah diaktifkan melalui pendidikan, terutama pendidikan ugama dan dakwah secara berterusan. Inilah antara konsep hijrah, iaitu untuk mengubah atau membaiki perkara-perkara negatif kepada positif."

Dalam hal ini, dengan lahirnya ramai para huffaz ataupun penghafal Al-Quran di negara ini, khususnya daripada Institut Tahfiz



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan mengurniakan sabda pada Majlis Haflut Takharruj Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah Kali Ke-12 Tahun 1446 Hijrah / 2024 Masih pada Khamis, 1 Rabiuulawal 1446 bersamaan 5 September 2024 bertempat di Dewan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas.

Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, akan mampu menyebarluaskan lagi manfaat dan keberkatan Al-Quran melalui pembelajaran dan apa jua program mahupun aktiviti yang berkaitan dengan pengamalan bacaan Al-Quran, malahan isi kandungannya turut dihayati sebagai panduan cara hidup yang utama.

>> Muka 11

SIDANG PENGARANG 14 SEPTEMBER 2024

Pentingnya fisiote api dalam kehidupan sehari-hari

NEGARA Brunei Darussalam baru-baru ini meraikan Sambutan Hari Fisioterapi Sedunia 2024, bertempat di BIBD Connects dan Kawasan Letak Kereta Taman Mahkota Jubli Emas. Hari Fisioterapi Sedunia diraikan setiap tahun pada 8 September di seluruh dunia.

Pada tahun ini, Perkhidmatan Fisioterapi, Kementerian Kesihatan mengambil peluang tersebut untuk meningkatkan kesedaran orang ramai tentang peranan Fisioterapi dalam membantu dan memperkasakan masyarakat serta orang ramai dari semua peringkat umur dan keupayaan untuk kekal cergas dengan menggalakkan mereka untuk sentiasa aktif dalam kehidupan sehari-hari.

Antara pusat fisioterapi yang mengambil bahagian dalam acara tersebut adalah Unit Fisioterapi, Kementerian Kesihatan; Pusat Optima dan Kecergasan Tentera, Kementerian Pertahanan; Pusat Perubatan dan Penyelidikan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Pusat Pakar Pantai Jerudong; Gleneagles Pusat Perubatan Jerudong Park; Trophy (Physiotherapy & Sports Science Centre); Core Physiotherapy; Pusat Kesihatan Panaga dan Spine Joint Physiotherapy.

Sambutan tersebut bertujuan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai tentang pentingnya fisioterapi dalam kehidupan sehari-hari dengan memfokuskan kepada pergerakan yang bertujuan untuk merawat pesakit atau sesiapa sahaja yang ada masalah fizikal dengan mengoptimalkan pergerakan melalui latihan senaman dan rawatan *hands on* kepada mereka. Fisioterapi ini bukan hanya kepada pesakit-pesakit tetapi penting juga kepada mereka yang suka bersukan, atlet dan lebih-lebih lagi mereka yang meminati sukan lasak.

Fisioterapi adalah satu bentuk rawatan yang membantu memulihkan, mengekalkan dan memaksimumkan kekuatan, fungsi, pergerakan dan kesejahteraan keseluruhan. Melalui penggunaan senaman dan peralatan, ahli fisioterapi membantu orang mendapatkan semula kekuatan otot dan mobiliti bersama selepas kecederaan atau apabila pulih dari keadaan seperti Parkinson dan strok.

Fisioterapi sesuai untuk semua peringkat umur dan boleh memberi manfaat kepada pada bila-bila masa sahaja. Fisioterapi juga boleh membantu menguruskan keadaan perubatan jangka panjang seperti asma, sebagai latihan untuk acara sukan atau untuk melahirkan anak.

Justeru, tujuan Sambutan Hari Fisioterapi ini juga antara lain untuk menghargai ahli fisioterapi seluruh dunia yang telah membantu pesakit dalam mengembalikan dan memastikan setiap fungsi fizikal pesakit berada pada tahap yang terbaik dan dapat difungsikan dengan sebaik mungkin sama ada untuk pesakit yang tidak memerlukan pembedahan ataupun pesakit yang telah menjalani pembedahan.

Dengan adanya sambutan tersebut, ia secara tidak langsung menjadi platform untuk memperkenalkan perkhidmatan fisioterapi di negara ini serta memperkuuhkan kerjasama antara ahli fisioterapi di sektor awam dan swasta dan menyahut seruan visi Kementerian Kesihatan iaitu 'Bersama ke arah Warga Sihat'. - Ketua Penyuntingan (Ad)

WAKTU SEMBAHYANG												
September	MASIH	HARI	Rabiuulawal	HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
14	SABTU	10	4.44	4.54	6.11	6.34	12.17	3.19	6.20	7.29		
15	AHAD	11	4.44	4.54	6.11	6.33	12.17	3.20	6.20	7.29		
16	ISNIN	12	4.44	4.54	6.11	6.33	12.16	3.20	6.19	7.28		
17	SELASA	13	4.44	4.54	6.11	6.33	12.16	3.20	6.19	7.28		
18	RABU	14	4.43	4.53	6.10	6.33	12.15	3.20	6.18	7.27		
19	KHAMIS	15	4.43	4.53	6.10	6.32	12.15	3.21	6.18	7.27		
20	JUMAAT	16	4.43	4.53	6.10	6.32	12.15	3.21	6.17	7.26		

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI

SABTU	AHAD	ISNIN
Bandar Seri Begawan		
33 24 °C	34 26 °C	34 26 °C
Pekan Bangar		
33 24 °C	34 26 °C	34 26 °C
Pekan Tutong		
33 24 °C	34 26 °C	34 26 °C
Kuala Belait		
33 24 °C	34 26 °C	34 26 °C

Wallahu alam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kajiciuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.met.gov.bn

NOTA : AKHBAR PELITA BRUNEI MENGANDUNG AYAT-AYAT AL-QURAN DAN DOA-DOA. SILA LETAK AKHBARINI DI TEMPAT YANG SEMPURNA DAN TERJAGA

pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | ☎ 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn

دربینک اوله جاین فراغن، جاین فردن منtri دان چیتیق اوله فرینت قلس سندیرین برد، نکارا برونی

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

BERANGKAT KE MAJLIS SANTAP MALAM



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman, berkenan berangkat ke Majlis Santap Malam yang dihoskan oleh Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong, dan Isteri, Puan Loo Tze Lui (atas dan kanan).



Siaran Akbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Azmah Haji Ahad

REPUBLIK SINGAPURA, Jumaat, 13 September. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman, malam tadi berkenan berangkat ke Majlis Santap Malam

yang dihoskan oleh Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong, dan Isteri, Puan Loo Tze Lui.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia di Gardens by the Bay, mula-mula dijunjung oleh Ketua Pegawai Eksekutif Gardens by the Bay, Mr. Felix Loh, dan seterusnya berangkat menuju ke Flower Dome.

Keberangkatan DYTM dan YTM di Flower Dome seterusnya dialakukan oleh Tuan Yang Terutama

Perdana Menteri Republik Singapura dan Isteri, Puan Loo Tze Lui.

DYTM dan YTM bersama-sama TYT dan isteri mulanya

mengadakan lawatan di Flower Dome dan diikuti dengan lawatan ke Monet Exhibition (The Garden) sebelum meneruskan lawatan ke Impressions of Monet Experience.

DYTM dan YTM kemudiannya berangkat bersama-sama TYT dan isteri ke Immersive Gallery (Flower Field Hall) bagi Majlis Santap Malam.



DULI Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia dijunjung bergambar ramai pada majlis berkenaan.

Pelancaran Setem Komemoratif sempena 40 tahun hubungan NBD, Singapura



>> Muka 1

Setem Komemoratif ini, adalah hasil usaha sama Jabatan Perkhidmatan Pos Brunei dan Singapore Post, yang memaparkan reka bentuk dari

NBD dan Republik Singapura.

Setem reka bentuk dari NBD menggambarkan 'pokok ficus elastica,' yang ditanam bersama oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal

Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Presiden Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Tharman Shanmugaratnam, di Taman Mahkota Jubli Emas semasa

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat menghadiri Majlis Pelancaran Setem Komemoratif bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Ke-40 Hubungan Diplomatik antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura.

Lawatan Negara Tuan Yang Terutama ke NBD pada bulan Januari 2024.

Manakala setem reka bentuk dari Republik Singapura menggambarkan 'dendrobium Hassanal Saleha', yang dinamakan sebagai penghormatan kepada Lawatan Negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam ke Republik Singapura pada

bulan Ogos 2022.

NBD dan Republik Singapura telah menikmati hubungan yang sangat baik dan lama terjalin melalui pelbagai kerjasama yang berterusan serta interaksi di peringkat dua hala dan serantau seperti Perjanjian Pertukaran Mata Wang dan kerjasama pertahanan di samping menerokai pelbagai bidang seperti keselamatan makanan (pertanian dan akuakultur), tenaga yang boleh diperbaharui (*renewable energy*) dan ekonomi hijau yang berpotensi untuk meningkatkan ketahanan kedua-dua buah negara terhadap sebarang cabaran masa hadapan.

KUNJUNGAN HORMAT BAGI BERTUKAR-TUKAR PANDANGAN, BINCANG HUBUNGAN DUA HALA

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Azmah Haji Ahad

REPUBLIK SINGAPURA,
 Jumaat, 13 September. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat mengadakan Kunjungan Hormat

kepada Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong. Majlis diadakan di Istana Villa, Republik Singapura.


Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah di Press Room dialu-alukan oleh TYT Perdana Menteri Republik Singapura, sebelum berangkat ke Delegation Room bagi Kunjungan

Hormat.

Semasa Kunjungan Hormat berkenaan, Duli Yang Teramat Mulia dan Tuan Yang Terutama bertukar-tukar pandangan dan berbincang mengenai hubungan dua hala yang telah terjalin selama 40 tahun perhubungan diplomatik, dan pada masa yang sama, 2024 merupakan tahun ke-10 pelaksanaan Program Pemimpin Muda (YLP).

DYTM seterusnya melahirkan penghargaan kepada TYT Perdana Menteri Republik Singapura, atas sokongan dan komitmennya yang berterusan terhadap YLP.

YLP memainkan peranan penting dalam mengekalkan dan memperkuuh talian persahabatan dan pemahaman, yang berdasarkan penghormatan dan kepercayaan bersama.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat mengadakan Kunjungan Hormat kepada Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong di Istana Villa, Republik Singapura.

Berkenan berangkat ke Majlis Santap Petang



REPUBLIK SINGAPURA,
 Jumaat, 13 September. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin

Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman, petang tadi berkenan berangkat ke Majlis Santap Petang yang dihoskan

oleh Presiden Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Tharman Shanmugaratnam, dan Isteri, Puan Jane Ittogi Shanmugaratnam.

Majlis Santap Petang berkenaan diadakan di Istana Villa, Republik Singapura.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka

Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah mula-mula berkenan menandatangani buku pelawat, dan kemudiannya berangkat ke Press Room.

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat mengadakan Kunjungan Hormat kepada Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Tharman Shanmugaratnam, dan Isteri, Puan Jane Ittogi Shanmugaratnam (kiri dan kiri sekali).

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia dialu-alukan oleh TYT Presiden Republik Singapura dan isteri dan seterusnya bergambar ramai.

DYTM dan YTM seterusnya berangkat bersama-sama TYT Presiden Republik Singapura dan isteri ke Delegation Room bagi Majlis Santap Petang.

DPMM meneruskan lawatan ke CESP



REPUBLIK SINGAPURA, Jumaat, 13 September. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) pagi tadi berkenan berangkat melawat ke Centre of Excellence for Soldier Performance

(CESP), Republik Singapura.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia di Pasir Laba Camp dijunung oleh Menteri Negara Pertahanan, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Heng Chee How; dan Chief of Defence Force, Vice Admiral Aaron Beng.

Sejurus keberangkatan tiba, DYTM menerima tabik hormat dan seterusnya dijunung berangkat oleh

Ketua Perbarisan Welcome Guard bagi memeriksa perbarisan.

Setelah selesai memeriksa perbarisan, DYTM kemudian bergambar ramai dan seterusnya dijunung ke Leader's Hall, bagi menandatangani buku pelawat.

Di Leader's Hall, DYTM berkenan mendengarkan sembah taklimat mengenai Centre of Excellence for Soldier yang disembahkan oleh Head of Centre of Excellence for Soldier Performance, Senior Lieutenant Colonel Russell Gan.

Taklimat antara lain merangkumi tatacara CESP kepada meningkatkan prestasi ketenteraan dengan memanfaatkan sains dan teknologi untuk meningkatkan kecerdasan; pemakanan, mencegah kecederaan; mengukuhkan ketahanan askar serta membangun sistem dan peralatan ketenteraan kepada menghasilkan prestasi yang optimal.

DYTM seterusnya dijunung bagi menyaksikan pameran statik yang antara lainnya mempamerkan Angkatan Bersenjata Singapura (SAF) Personal Equipments; Peralatan Pemulihan; dan Sistem Pemantauan Suhu Teras Jarak

Jauh dan Pemantauan Denyutan Jantung, (Remote Core Temperature Monitoring & Heartrate Live Monitoring System) serta mereka bentuk Program Kecergasan.

Sebelum mengakhiri lawatan, DYTM berkenan bertukar-tukar

cenderahati kenangan.

Sejak penubuhannya, CESP telah mencapai kejayaan penting dalam bidang-bidang berikut: (i) kecerdasan dan pemakanan; (ii) pra-habilitasi dan rehabilitasi; (iii) ketahanan; dan (iv) sistem askar.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dijunung berangkat bagi memeriksa perbarisan (atas kiri). Manakala gambar atas, Duli Yang Teramat Mulia berkenan mendengarkan sembah penerangan.

BERKENAN MELAWAT TEMASEK POLYTECHNIC

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Azmah Haji Ahad



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan mengadakan lawatan ke Temasek Polytechnic, bertempat di Tampines Avenue 1, Republik Singapura dan seterusnya menyertai aktiviti makmal di Temasek Polytechnic Aquaculture Innovation Centre (AIC) (kiri). Sementara gambar kanan, Duli Yang Teramat Mulia berkenan mengikuti sesi bergambar ramai.

REPUBLIK SINGAPURA, Khamis, 12 September. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dijunjung berangkat ke Exhibition Board on Punggol Digital District (PDD) bagi sembah penerangan ringkas dan seterusnya menyaksikan demonstrasi sistem pembayaran berorientasikan wajah dan Platform Digital Terbuka (kanan dan kanan sekali).

ke Temasek Polytechnic, bertempat di Tampines Avenue 1, Republik Singapura.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia di Temasek Polytechnic dijunjung oleh Menteri Kelestarian dan Alam Sekitar dan Menteri Bertanggungjawab bagi Perhubungan dan Perdagangan, Puan Yang Terutama Grace Fu.

DYTM mula-mula dijunjung berangkat ke Temasek

Polytechnic Aquaculture Innovation Centre (AIC) bagi menyertai aktiviti makmal iaitu Parasite Screening; Feed Palletizing dan Feed Stability Testing.

Seterusnya, DYTM meneruskan lawatan ke Centre for Research and Opportunities in Plant Science (CROPS) yang berperanan untuk meningkatkan produktiviti dan kelestarian pertanian di kawasan

bandar dalam dua bidang utama iaitu Bioteknologi Tumbuhan dan Nutrasetikal.

DYTM kemudiannya dijunjung berangkat ke Temasek Gallery Lounge dan berkenan menyertai aktiviti ujian sampel bagi pemeriksaan kesihatan mikroorganisma dan tiram.

Sebelum mengakhiri lawatan, DYTM berkenan mengikuti sesi bergambar ramai.

AIC adalah Pusat Inovasi pertama di Republik Singapura yang beroperasi dengan model konsortium kolaboratif. AIC menyokong dan membangun Perusahaan Kecil dan Sederhana dalam industri akuakultur dengan meningkatkan produktiviti pertanian, mengenal pasti teknologi yang sedang berkembang, dan memfasilitasi pertumbuhan yang mampan.

Lawatan DYTM ke JTC Summit, Republik Singapura

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dijunjung berangkat ke Exhibition Board on Punggol Digital District (PDD) bagi sembah penerangan ringkas dan seterusnya menyaksikan demonstrasi sistem pembayaran berorientasikan wajah dan Platform Digital Terbuka (kanan dan kanan sekali).

Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat mengadakan lawatan ke Jurong Town Corporation (JTC) Summit, Republik Singapura, pagi tadi.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri

Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dijunjung oleh Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Industri, Tuan Yang Terutama Gan Kim Yong.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda

Mahkota kemudiannya dijunjung berangkat ke Exhibition Board on Punggol Digital District (PDD) bagi sembah penerangan ringkas dan seterusnya menyaksikan demonstrasi sistem pembayaran berorientasikan wajah dan Platform Digital Terbuka.

Sembah penerangan antara lainnya mengetengahkan bagaimana PDD menggabungkan Singapore Institute of Technology (SIT) dan JTC's Business Park untuk mencipta daerah pintar pertama di Singapura serta menyokong sektor-sektor utama ekonomi digital dan berfungsi sebagai pusat gaya hidup hijau serta inklusif.

Duli Yang Teramat Mulia kemudian berkenan meneruskan lawatan ke The Makerspace dan seterusnya ke Bilik Mesyuarat bagi sembah taklimat yang antaranya memfokuskan kepada inisiatif digitalisasi dan kelestarian JTC, khususnya pembangunan PDD seperti integrasi teknologi digital di seluruh persekitaran binaan dan matlamat untuk mencapai pelepasan sifar karbon menjelang 2050. Sebelum mengakhiri lawatan, DYTM berkenan mengikuti sesi bergambar ramai.

Ditubuhkan pada 1 Jun 1968, JTC pada mulanya dikenali sebagai JTC, merupakan sebuah lembaga berkanan di bawah Kementerian Perdagangan dan Perusahaan, Republik Singapura (MTI) yang menyokong pertumbuhan industri baharu dan perusahaan di Republik Singapura.

Sebagai agensi kerajaan yang bertanggungjawab ke atas kemajuan industri Singapura, JTC memberi penekanan kepada pembangunan industri yang lebih kukuh.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah kemudian berkenan meneruskan lawatan ke The Makerspace dan seterusnya ke Bilik Mesyuarat bagi sembah taklimat.

BERANGKAT KE MAJLIS SANTAP MALAM



Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Azmah Haji Ahad

REPUBLIK SINGAPURA, Rabu, 11 September. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat ke Majlis Santap Malam yang dihoskan oleh Menteri Kanan di Pejabat Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lee Hsien Loong dan isteri, Puan Ho Ching, malam tadi di Hotel Grand Hyatt

Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat ke Majlis Santap Malam yang dihoskan oleh Menteri Kanan di Pejabat Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lee Hsien Loong dan isteri, Puan Ho Ching, malam tadi di Hotel Grand Hyatt



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat ke Majlis Santap Malam di Hotel Grand Hyatt Singapore (kiri dan atas).

Singapore.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan isteri, Puan Ho Ching. Ini diikuti dengan Majlis Santap Malam.

Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah di Residence 5, Grand Wing dijunjung oleh Tuan Yang Terutama Lee Hsien Loong dan isteri, Puan Ho Ching. Ini diikuti dengan Majlis Santap Malam.

Berkenan adakan lawatan ke Sentosa Development Corporation



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat mengadakan lawatan ke Sentosa Development Corporation (SDC), Sentosa Island, Republik Singapura (kiri). Manakala gambar kanan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota mendengar sembah taklimat mengenai Rancangan Eko-Pelancongan Pulau Sentosa.

REPUBLIK SINGAPURA, Rabu, 11 September. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat mengadakan lawatan ke Sentosa Development Corporation (SDC), Sentosa Island, Republik Singapura, petang tadi.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dijunjung oleh Menteri Kelestarian dan Alam Sekitar dan Menteri bertanggungjawab bagi Perhubungan Perdagangan, Puan Yang Terutama Grace Fu.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda

Mahkota mula-mula dijunjung berangkat bagi mendengar sembah taklimat mengenai Rancangan Eko-Pelancongan Pulau Sentosa yang disampaikan oleh Director, Planning and Data Analytics, Sentosa Development Corporation, Kelly Yoong.

Taklimat antara lain meliputi perancangan enam bidang utama untuk mencapai Matlamat Sentosa menuju keseimbangan karbon menjelang tahun 2030, bidang-bidang kerjasama kelestarian dan langkah-langkah ke arah mengadaptasi perubahan iklim.

Usaha ini bertujuan untuk menyeimbangkan pertumbuhan pelancongan dengan menjaga alam sekitar serta meningkatkan daya tarikan dan ekologi pulau tersebut.

Setelah mendengarkan taklimat, Duli Yang Teramat Mulia seterusnya berkenan melanjutkan lawatan sepanjang

Pantai Palawan, Beach Station, Walkthrough RISE Sustainability Showcase dan Sensoryscape. Sebelum mengakhiri lawatan, DYTM berkenan mengikuti sesi

bergambar ramai.

SDC adalah sebuah lembaga berkanun di bawah Kementerian Perdagangan dan Perusahaan, Republik Singapura. Ditubuhkan pada 1 September 1972,

pada 1 September 1972, SDC bertanggungjawab untuk memantau pembangunan, pengurusan dan pemasaran Pulau Sentosa.



DULI Yang Teramat Mulia berkenan mengikuti sesi bergambar ramai.

BERKENAN BERANGKAT ADAKAN LAWATAN KE YONG SIEW TOH



Siaran Akbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Azmah Haji Ahad

REPUBLIK SINGAPURA, Rabu, 11 September. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat mengadakan lawatan ke Yong Siew Toh (YST) Conservatory of Music, Republik Singapura. Juga berangkat sama ialah anakanda-anakanda Duli Yang



Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, iaitu Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah. Keberangkatan tiba Yang

Teramat Mulia di sekolah berkenaan dijunjung oleh Vice Dean daripada Yong Siew Toh and National University of Singapore, Associate Professor Chan Tze Law. YTM kemudiannya mendengarkan sembah taklimat daripada Associate Professor

YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat mengadakan lawatan ke Yong Siew Toh (YST) Conservatory of Music, Republik Singapura. Juga berangkat sama ialah anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah (kiri dan kiri sekali).

Chan Tze Law di Student Lounge mengenai dengan latar belakang YST Conservatory of Music dan kurikulum yang ditawarkan oleh institusi berkenaan.

Mula ditubuhkan pada 2023, YST berperanan untuk mengembangkan kecemerlangan dalam persembahan instrumental dan komposisi muzik.

Semasa lawatan berkenaan, YTM dijunjung melawat ke Studio Rakaman dan seterusnya meneruskan lawatan ke Dewan Orkestra bagi menyaksikan Muzik Akustik daripada para penuntut dari Voice Department, Conservatory of Music.

JIS raikan pelajar cemerlang IGCSE



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan bergambar ramai bersama para pelajar yang diraikan.

Siaran Akbar dan Foto : Sekolah Antarabangsa Brunei

JERUDONG, Jumaat, 13 September. - Pelajar Tahun 11 Sekolah Antarabangsa Jerudong (JIS) meraikan keputusan cemerlang dalam peperiksaan GCSE Antarabangsa (IGCSE) bagi sesi Jun 2024.

Sebanyak 58 peratus daripada semua gred yang diberikan

adalah gred A* atau A (Level 9 - 7). Manakala sebanyak 96 peratus daripada pelajar mendapat gred antara A* hingga C (Level 9 - 4) secara keseluruhannya.

Dhanushan Chinniah mencapai gred 12 A*/A yang cemerlang dalam semua mata pelajaran, sekali gus melayakkannya

memasuki Tingkatan Enam.

Selain itu, Jovan Tang mencapai gred 11 A*/A. Lima lagi pelajar mencapai gred 10 A*/A terdiri daripada Sai Ananya, Isaac Chang, Isla Hallam, Mintong Li dan Chloe Yung.

Seramai 10 pelajar lagi mencapai gred 9 A*/A iaitu Soubhik Bandyopadhyay, Rahmah Isa, Dk. Jaydenne Sofie Pengiran Jaysen,

Shin Khant Lin, Sara Ng, Jaey On, Bertie Scott, Toby Stevens, Lynn Tan dan Claudie Teo.

Manakala 12 pelajar mencapai gred 8 A*/A iaitu Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah; Cherin Chikh-Ali, Nicholas Sheehan.

Imane Er-Rahmani, Ayden Zahari bin Abdul Hakeem, Marissa Koh, Nigel Lim, Syasya Ilyana Kiasatina Mohd Adnan, Spandita Nayak, Camilia Ong, Awangku Abdul Hadi Raiyan bin Pengiran Dato Paduka Osman, Duncan Schuller dan Grace Taylor.

Sementara 15 pelajar mencapai gred 7 A*/A iaitu Dominic Christian, Abdul Mateen El-Walify bin Fakhruddin, Amber Goh, Md Ilyas bin Hj Ilham Rohaidi, Aleya Zafirah Haji Ismaili, Clare Lee, Ashley Lim, Maryam Safwa binti Mazini, Matthew McCambridge, Alisha Dhaniyah Md Azmi Yusran, Md Al Hakeem bin Haji Md Sahraini, Muhd Danish Luqman Saidin Hidayat, Ian Sia, Travis Tan dan Mihika Vijay Shankar.

"Kami amat berbangga dengan pencapaian pelajar Tahun 11 yang luar biasa dalam IGCSE. Pencapaian ini mencerminkan dedikasi, kerja keras dan komitmen guru cemerlang kami. Kami bangga melihat kejayaan mereka dan meneruskan perjalanan pendidikan mereka. Tahniah kepada semua pelajar kami di atas kejayaan cemerlang mereka," menurut Pengetua Eksekutif JIS, Nicholas Sheehan.

Latihan penuh pastikan kelancaran majlis

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Ak. Md. Hasnal Ali Saodiqen Pg. Haji Abu Bakar



SEKITAR Latihan Penuh bagi Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara bagi Tahun 1446 Hijrah bertempat di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien (atas dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 12 September. - Dalam masa beberapa hari sahaja lagi, masyarakat Islam di Negara ini khasnya dan penduduk Islam Dunia amnya akan menyambut Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara bagi

Tahun 1446 Hijrah.

Di Negara Brunei Darussalam yang majoriti penduduknya beragama Islam seperti lazimnya akan mengadakan Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam secara besar-besaran

bagi memperkembangkan dan menyebarkan lagi syiar Islam di negara ini di samping memperingati kelahiran Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pada setiap 12 Rabiulawal Tahun Hijrah.

>> Muka 8



Doa kesyukuran sempena Haflut Takharruj ITQSHHB



Oleh : Khartini Hamir
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Penggerusi Lembaga Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) hadir pada Majlis Doa Kesyukuran sempena Haflut Takharruj Kali Ke-12 ITQSHHB yang diadakan di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa (atas). Manakala gambar atas kanan, antara yang hadir pada majlis tersebut.

BERAKAS, Khamis, 12 September.

- Majlis Doa Kesyukuran sempena Haflut Takharruj Kali Ke-12 Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) diadakan petang tadi bertempat di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri

Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku Penggerusi Lembaga ITQSHHB.

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran

Haji Hassan; dan Peguam Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Nor Hashimah binti Haji Mohammed Taib selaku Ahli Lembaga ITQSHHB.

Juga hadir, Setiausaha Tetap dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, jemputan-jemputan khas, serta warga kerja dan para

graduan ITQSHHB yang diraikan. Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Pensyarah Diploma 'Aliyah Qiraat ITQSHHB, Awang Haji Abdul Rashid bin Haji Mohammad Saad.

Seterusnya ucapan alu-aluan disampaikan oleh Pemangku Pengetua ITQSHHB, Awang Mohammad Ali Sabri bin Haji Yussof, selaku Penggerusi Majlis sempena Haflut Takharruj Kali Ke-12 ITQSHHB.

Diikuti dengan penyampaian Anugerah Cemerlang Diploma 'Aliyah Qiraat dan penyampaian Sijil Penghargaan kepada penaja

dan Ahli Jawatankuasa Haflut Takharruj Kali Ke-12 ITQSHHB yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Majlis diakhiri dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Doa Kesyukuran oleh Pensyarah Diploma 'Aliyah Qiraat ITQSHHB, Dr. Sheikh Haji Mutiaa' Al-Kabbani Mahmoud.

Antara tujuan majlis tersebut adalah sebagai tanda kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'alaa dan meraikan kejayaan graduan-graduan yang telah menamatkan pengajian bagi Sesi Pengajian 2021-2024.

24 PELAJAR MENERIMA PENGANUGERAHAN BIASISWA KHEU

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

>> Muka 1

Seramai 16 pelajar akan melanjutkan pengajian ke Universiti Al-Azhar, Republik Arab Mesir dalam bidang Sarjana Muda Syariah Islamiyyah, Sarjana Muda Usuluddin, Sarjana Muda Bahasa Arab, Sarjana Muda Takhassus Al-Quran Wal Qiraat, manakala seorang pelajar akan melanjutkan pelajaran ke Monash University, Australia dalam bidang Bachelor of Occupational Therapy; seorang pelajar ke Universiti Malaya, Malaysia dalam bidang Sarjana Muda Al-Quran dan Al-Hadith, sementara seorang lagi pelajar akan meneruskan pengajian ke Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia dalam bidang Sarjana Muda Pengajaran Bahasa Arab sebagai Bahasa Kedua (TASL).

Majlis juga turut menyaksikan seramai lima pelajar menerima biasiswa Skim Khas 'A' Level ke Sekolah Antarabangsa Jerudong.

Terlebih dahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Awang Mohammad Zamery bin Haji Nayan dan diikuti dengan ucapan

Pengarah Pengajian Islam, KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar selaku Penggerusi Majlis.

Awang Haji Shamshol dalam ucappannya antara lain menyatakan, dengan adanya penganugerahan biasiswa baharu pada hari ini, maka jumlah keseluruhan para pelajar Biasiswa KHEU adalah seramai 88 orang.

Menurutnya, Penganugerahan Biasiswa Kerajaan melalui KHEU merupakan salah satu platform yang sangat signifikan dalam mengukuhkan sistem persekolahan Arab dan pengajian tahfiz.

"Alhamdulillah, dengan adanya penganugerahan ini, kita dapat menyulurkan pelajar-pelajar sekolah Arab dan institut tahfiz untuk melanjutkan pengajian di peringkat pengajian tinggi khususnya di Pusat Pengajian Tinggi ternama luar negara," ujarnya.

Tambahnya, beberapa pengemaskinian dan penambahbaikan telah dan akan terus dilaksanakan yang melibatkan proses pemilihan, perancangan keperluan dan kategori biasiswa yang ditawarkan.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Doa Kesyukuran Bagi Penganugerahan Biasiswa KHEU, Sesi Akademik 2024/2025.

Di samping itu katanya lagi, aspek pencapaian akademik khususnya pencapaian pelajar dalam peperiksaan awam adalah masih menjadi kriteria utama.

Acara diteruskan dengan tayangan video dan disusuli dengan acara penyampaian Surat Penganugerahan Biasiswa KHEU kepada para pelajar diraikan

yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Kesyukuran oleh Awang Mohammad Zamery.

Juga hadir, Setiausaha Tetap, KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan),

KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), KHEU, Dr. Haji Hardifadhillah bin Haji Mohd. Salleh; Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani serta para pegawai kanan KHEU.

>> Muka 7

Sehubungan dengan itu, Perhimpunan dan Perarakan Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara Tahun 1446H akan diadakan secara serentak di keempat-empat daerah dengan tumpuan utama di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan, pada Isnin, 16 September 2024.

Bagi memastikan kelancaran sambutan itu nanti, Latihan Penuh bagi Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara bagi

Tahun 1446H diadakan pagi tadi bertempat di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, di sini. Berangkat dan hadir sama bagi menyaksikan Latihan Penuh pagi tadi ialah Yang Di-Pertua Adat Istimadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar selaku Penasihat Bersama Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara dan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1446H; Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar selaku Pemangku Penggerusi Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal

Bolkiah (YSHHB); Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned; Timbalan Menteri (Urus Tadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos; dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Juga hadir, Setiausaha-Tetap, Timbalan Setiausaha-Tetap dari Pengendali-pengendali Bersama Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi yang lain. Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara bagi Tahun 1446H pada tahun ini dikendalikan bersama oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Pendidikan, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi serta YSHHB.

Tema Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara bagi Tahun 1446H ialah 'Memelihara Akal Berpandukan Sunnah Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam'.

KOMITED MEMPELBAGAIKAN EKONOMI LEBIH BERDAYA TAHAN, MESRA ALAM



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama bersama Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II semasa menghadiri Majlis Pelancaran Hari Kumpulan Bank Pembangunan Islam di Brunei (Islamic Development Bank - IsDB Group Day in Brunei) yang berlangsung di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

>> Muka 1

Perkara tersebut dinyatakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan



YANG Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II ketika berucap.

MoU perkukuh kerjasama ekonomi serantau, pembangunan kapasiti manusia

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 12 September. - Memorandum Persefahaman (MoU) antara Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) dan Bank Pembangunan Islam (IsDB) yang ditandatangani hari ini, adalah berdasarkan MoU yang ditandatangani baru-baru ini antara IsDB dan Kerajaan Negara Brunei Darussalam (NBD) semasa lawatan Presiden IsDB, Tuan Yang Terutama Dr. Muhammad Al Jasser ke NBD yang telah mewujudkan kerangka kerja komprehensif untuk meningkatkan kerjasama dalam bidang utama termasuk kewangan Islam, sokongan untuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS), promosi kerjasama ekonomi serantau, mitigasi perubahan iklim, dan pembangunan kapasiti manusia.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah menyatakan perkara tersebut dalam

Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah dalam ucapan alu-aluannya semasa Majlis Pelancaran Hari Kumpulan Bank Pembangunan Islam di Brunei (Islamic Development Bank - IsDB Group Day in Brunei) yang berlangsung di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah, di sini.

Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II seterusnya berkata, selain daripada usaha mempelbagaikan ekonomi, kelestarian juga merupakan keutamaan bagi mereka, dengan menetapkan matlamat yang tinggi untuk mencapai pelepasan sifar bersih dan meningkatkan penggunaan tenaga boleh diperbaharui, menunjukkan komitmen mereka terhadap masa depan yang lebih hijau.

Dengan melabur dalam amalan lestari dan meneroka mekanisme pembiayaan inovatif jelas Yang Berhormat, NBD sedang membuka

jalan ke arah ekonomi yang lebih berdaya tahan dan mesra alam.

Berdasarkan momentum tersebut menurut Yang Berhormat, sektor kewangan Islam di NBD telah mencatatkan pertumbuhan yang ketara, sejajar dengan trend global.

Walaupun menghadapi cabaran global ujar Yang Berhormat, kewangan Islam telah menunjukkan daya tahan yang luar biasa di mana aset kewangan Islam global meningkat sebanyak 69 peratus dalam tempoh lima tahun yang lalu, dengan industri global dijangka mencapai USD 5.9 trillion menjelang 2026.

Seperti yang dicerminkan oleh pertumbuhan global ini tambah Yang Berhormat, lebih separuh daripada aset sektor kewangan NBD dipegang oleh institusi kewangan Islam, mencapai BND13.3 bilion pada tahun 2023, yang didorong terutamanya oleh bank-bank dan institusi kewangan yang menyumbang lebih daripada 95 peratus aset kewangan Islam, manakala entiti Takaful mewakili kurang daripada 5 peratus.

"Oleh itu, kewangan Islam telah menjadi pemacu penting dalam

kemajuan ekonomi di Brunei, membentuk secara ketara sektor kewangan negara dan menyokong matlamat pembangunan yang lebih luas. Fokus strategik yang disediakan oleh Pelan Induk Sektor Kewangan Bank Pusat Brunei Darussalam bertujuan untuk mewujudkan ekosistem kewangan yang dinamik dan berdaya tahan, sejajar dengan Wawasan Brunei 2035. Dengan asas aset yang semakin meningkat dan penglibatan aktif institusi seperti BIBD, Brunei berada dalam kedudukan yang baik untuk mengambil peluang daripada pertumbuhan global kewangan Islam dan merealisasikan aspirasi ekonominya," jelas Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat seterusnya menyatakan bahawa Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) dan IsDB akan bekerjasama secara rasmi dengan penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) yang merangkumi bidang utama seperti pembiayaan bersama dan pensindiketan (*syndication*), aktiviti perbendaharaan, kewangan perdagangan, dan pengurusan bersama aset pelaburan.

Selain itu tambahnya, MoU tersebut juga menekankan pembangunan kapasiti manusia melalui program latihan, sesi perkongsian ilmu, dan latihan praktikal, di mana kerjasama ini akan meningkatkan sokongan BIBD terhadap objektif ekonomi NBD dan memajukan misi IsDB dalam mempromosikan pembangunan mampan dalam kalangan negara anggotanya.

Kerjasama itu juga katanya, akan membuka peluang baharu untuk usaha sama dalam pelaburan, perkongsian pengetahuan, dan pemindahan teknologi, yang mana dengan memanfaatkan kepakaran IsDB dalam kewangan Islam, pelaburan, dan produk kewangan Islam, bank-bank Islam tempatan di NBD akan memperoleh wawasan dan pengalaman yang berharga.

Menurutnya lagi, kerjasama itu juga akan memudahkan penerapan amalan terbaik dalam penyusunan produk yang patuh Syariah, pengurusan aset kewangan Islam, dan pemanduan inovasi dalam sektor ini, yang pada akhirnya menyumbang kepada pertumbuhan landskap kewangan NBD.

ucapan alu-aluannya pada Majlis Pelancaran Hari Kumpulan Bank Pembangunan Islam di Brunei (Islamic Development Bank - IsDB Group Day in Brunei) yang berlangsung di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah, di sini.

Menurut Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, kerjasama itu memegang nilai yang signifikan bagi NBD dan mencerminkan hasrat NBD untuk memperkuh peranannya dalam ekonomi Islam global dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi Ummah Islam.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, terdapat beberapa bidang utama di mana NBD dan IsDB dapat memperdalam kerjasama yang saling menguntungkan iaitu pertama, Pembangunan Infrastruktur, di mana IsDB menawarkan peluang untuk pembiayaan dan kepakaran teknikal untuk projek infrastruktur

berskala besar, yang penting untuk pertumbuhan jangka panjang NBD.

Dengan bekerjasama dalam projek-projek ini menurut Yang Berhormat, mereka boleh mencapai kemajuan yang besar dalam memajukan pembangunan NBD sambil turut menyokong misi IsDB untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang mampan di seluruh negara anggotanya.

Kedua jelas Yang Berhormat, mengenai Pertanian dan Keselamatan Makanan, di mana menangani cabaran global yang berkaitan dengan keselamatan makanan dan pertanian mampan memerlukan usaha yang inovatif dan bersama.

Dengan menggabungkan sumber, kepakaran dan amalan terbaik ujarnya, NBD dan IsDB boleh meningkatkan produktiviti dan daya tahan pertanian, melaksanakan teknologi termaju yang memastikan kemampuan jangka panjang dalam sektor penting ini.

Seterusnya, mengenai Teknologi

dan Inovasi, Yang Berhormat menjelaskan era digital memberikan mereka banyak kemungkinan untuk berkembang melalui IsDB, mereka boleh meneroka usaha sama dalam syarikat permulaan teknologi, infrastruktur digital serta penyelidikan dan pembangunan.

Tambah Yang Berhormat, inovasi akan menjadi kunci untuk memupuk daya saing jangka panjang dan memastikan mereka akan terus berkembang maju dalam dunia yang semakin saling berkaitan.

"Ini membawa saya ke perkara seterusnya mengenai perusahaan bersaiz Kecil dan Sederhana. Dengan bekerjasama rapat dengan IsDB, Brunei boleh bekerjasama dalam program yang merangsang pembangunan PKS, keusahawanan dan penjanjana pekerjaan. Inisiatif ini bukan sahaja akan mengukuhkan ekonomi kita tetapi juga menyediakan platform untuk penciptaan pekerjaan baharu dan untuk PKS kita berkembang maju dalam pasaran global," ujarnya lagi.

Yang Berhormat seterusnya menyentuh mengenai kemampaman, yang mana ia mestilah kekal sebagai tumpuan utama kerjasama mereka.

Projek hijau, seperti tenaga boleh diperbaharui, pengurusan sisa, dan pemuliharaan terangnya, adalah penting untuk kedua-dua kemampaman alam sekitar dan pertumbuhan ekonomi.

Dengan mengutamakan bidang berkenaan tekan Yang Berhormat, mereka boleh bersama-sama menyumbang kepada matlamat alam sekitar global sambil memupuk ekonomi hijau yang memberi manfaat kepada generasi akan datang.

Menurut Yang Berhormat lagi, dengan memanfaatkan kekuatan unik mereka dan bekerjasama dengan IsDB, mereka boleh membuka peluang yang belum pernah terjadi sebelumnya untuk pertumbuhan dan pembangunan.

TEROKA PELUANG MAJUKAN PEMBANGUNAN STRATEGIK NBD



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II semasa menyaksikan majlis penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) dan Bank Pembangunan Islam (IsDB).

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 12 September. - Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) dan Bank Pembangunan Islam (IsDB) bergabung untuk meneroka peluang kerjasama yang selaras dengan matlamat pembangunan strategik Negara Brunei Darussalam (NBD).

Perkongsian tersebut yang diumumkan semasa Hari Kumpulan IsDB, berikutan penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) antara kedua-dua pihak, antara lain bertujuan untuk memupuk pertumbuhan dalam bidang-bidang utama seperti kewangan Islam, perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS), serta pembangunan belia.

Sehubungan itu, Hari Kumpulan IsDB di Brunei yang berlangsung di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah, di sini, dianjurkan bersama oleh BIBD dan IsDB serta disokong oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi, menyediakan platform

untuk meneroka peluang-peluang kerjasama dalam bidang-bidang utama ini.

Hadir selaku tetamu-tetamu kehormat majlis ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Baqarah, diikuti dengan ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Kemudian majlis diteruskan dengan ucaptama yang disampaikan oleh Pengarah dan Resident Representative Regional Hub Indonesia, Datuk Amer Bukvić selaku Ketua Delegasi Kumpulan IsDB, disusuli dengan pelancaran Hari

Kumpulan IsDB di Brunei.

Acara tersebut bertujuan untuk mengenal pasti dan melaksanakan inisiatif-inisiatif yang selaras dengan Wawasan Brunei 2035 dan Pelan Pembangunan Jangka Sederhana, berhubung dengan Rangka Kerja Penglibatan Negara (CEF) yang ditandatangani baru-baru ini antara Kerajaan NBD dan IsDB.

Kemuncak acara tersebut adalah penandatanganan MoU antara BIBD dan IsDB, yang akan membuka jalan bagi perkongsian yang memberi tumpuan kepada pembiayaan bersama, aktiviti perbendaharaan, pembiayaan perdagangan, pembangunan kapasiti manusia, pembangunan mampan dan pelaburan, serta banyak lagi.

Menandatangi bagi pihak BIBD ialah Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD, Awang Junaidi bin Haji Masri; manakala pihak IsDB pula diwakili oleh Datuk Amer Bukvić.

Penandatanganan MoU tersebut

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

disaksikan bersama oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

MoU tersebut bertujuan untuk meningkatkan sokongan BIBD terhadap objektif ekonomi NBD dan memajukan misi IsDB dalam mempromosikan pembangunan mampan, di mana kerjasama ini membuka peluang baharu untuk usaha sama dalam pelaburan, perkongsian pengetahuan, dan pemindahan teknologi serta memudahkan penerapan amalan terbaik dalam menyusun produk yang patuh Syariah dan menguruskan aset kewangan Islam.

Acara tersebut memberi tumpuan kepada penerokaan peluang kerjasama dalam bidang utama seperti kewangan Islam, pembangunan PMKS, serta pembangunan belia kerana inisiatif-inisiatif ini sejajar dengan Wawasan Brunei 2035 dan Pelan Pembangunan Jangka Sederhana.

Hari Kumpulan IsDB juga menampilkan pembentangan mengenai pelbagai topik berkaitan kewangan Islam, perdagangan, dan pelaburan yang membolehkan peserta yang hadir mengetahui tentang perkhidmatan Kumpulan IsDB dan meneroka potensi kerjasama.

Acara tersebut membolehkan BIBD memperkenalkan keupayaan dan kemampuannya untuk berkhidmat sebagai fasilitator utama bagi projek berskala besar dan mampu membantu IsDB dalam usaha masa depan di NBD dan rantau ini.

Ia juga menunjukkan komitmen BIBD dalam membangunkan perniagaan NBD termasuk PMKS dengan memupuk hubungan dengan entiti-entiti IsDB untuk projek-projek masadepan yang boleh menyumbang kepada pertumbuhan mereka dan keseluruhan kemakmuran ekonomi negara.

Melalui acara itu, BIBD dapat menghubungkan dan memadankan perniagaan dari NBD dengan pelbagai entiti dalam Kumpulan IsDB, termasuk Perbadanan Islam untuk Insurans Pelaburan dan Kredit Eksport (ICIEC), Perbadanan Islam untuk Pembangunan Sektor Swasta (ICD), Institut Bank Pembangunan Islam (IsDBI), dan Perbadanan Kewangan Perdagangan Islam Antarabangsa (ITFC).

Entiti-entiti IsDB menawarkan pelbagai perkhidmatan patuh Syariah, termasuk pengurangan risiko, pembiayaan projek, latihan dan pembangunan kapasiti, dan penyelesaian kewangan perdagangan, untuk memudahkan perdagangan dan pelaburan dengan Negara-negara Anggota OIC dan dunia.

Kerjasama antara BIBD dan IsDB merupakan langkah penting ke arah mencapai objektif yang digariskan dalam Pelan Induk Ekonomi Negara Brunei Darussalam.

Dengan memperkuuh industri kewangan Islam dan menyokong pertumbuhan PMKS, BIBD membantu negara mengambil langkah konkret ke arah meningkatkan daya tahan ekonomi NBD dan mencapai matlamat pembangunan negara.

Perkongsian antara BIBD dan IsDB menandakan satu peristiwa penting dalam perjalanan pembangunan NBD.

Dengan bekerjasama, kedua-dua institusi itu dapat memanfaatkan kepakaran dan sumber daya mereka untuk mencipta masa depan yang lebih makmur dan inklusif untuk negara.

BIBD berhasrat untuk secara aktif meneruskan dan melaksanakan semua projek yang dikenal pasti dalam kerjasama dengan IsDB sebagai sebahagian daripada komitmen berterusan mereka untuk menyokong pembangunan strategik NBD ke arah merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

Persidangan Kemahiran Dunia 2024 : Teroka strategi, perkukuhkan sistem TVET



YANG Berhormat Menteri Pendidikan semasa hadir ke Persidangan Kemahiran Dunia 2024 atau WorldSkills Conference 2024 yang berlangsung pada 10 hingga 12 September 2024 di Eurexpo Lyon, Republik Perancis.

>> Muka 1

Persidangan dihadiri oleh Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan Pegawai-pegawai Kanan dari seluruh dunia bersama perwakilan

dari organisasi antarabangsa seperti Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO), Pertubuhan Buruh Antarabangsa

(ILO), Suruhanjaya Eropah (EC), Agenzi Pembangunan Kesatuan Afrika (AUDA-NEPAD), Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD), WorldSkills

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan

International (WSI) & WorldSkills Champions Trust (WSCT).

Sesi Pembukaan Persidangan dimulakan dengan ucapan-ucapan daripada Menteri Buruh, Kesihatan dan Perpaduan, Republik Perancis, Puan Yang Terutama Catherine Vautrin; Menteri Pendidikan Kebangsaan dan Belia, Republik Perancis, Puan Yang Terutama Nicole Belloubet; dan Presiden WSI, Tuan Chris Humphries, yang antara lain menyeru pihak-pihak berkepentingan dalam bidang TVET meneroka strategi-strategi untuk menggerakkan agenda global TVET ke hadapan dan mengukuhkan sistem TVET.

Persidangan tersebut diisikan dengan beberapa sesi perbincangan panel dan meja bulat mengenai topik-topik yang berkaitan seperti 'How Do We Create Excellence in TVET System'; 'Tools and Strategies Required for Quality Assurance in TVET'; 'Foundational Skills for Better TVET' dan sebagainya.

Semasa Persidangan tersebut, Yang Berhormat Menteri Pendidikan turut berpeluang mengadakan

perjumpaan bersama Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Menteri Kedua bagi Pendidikan dan Hal Ehwal Luar, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Dr. Mohammad Maliki bin Osman, bagi membincangkan kerjasama dua hala dalam bidang pendidikan antara kedua-dua negara.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan rombongan juga berkesempatan mengadakan lawatan ke 47th WorldSkills Competition yang merupakan pertandingan kemahiran terbesar di dunia dianjurkan setiap dua tahun oleh pihak WSI.

Pertandingan tersebut disertai oleh seramai 1,500 dari 65 negara yang bersaing dalam 62 kemahiran merentasi enam sektor termasuk pembinaan, industri, teknologi baharu, perkhidmatan, profesion makanan dan kreatif, digital dan hospitaliti.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan diiringi oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman, dan pegawai-pegawai dari Kementerian Pendidikan.

Raih rahmat, keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala



Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Haji Abdul Azim @ Haji Mu'az Haji Tujuh

TUTONG, Rabu, 11 September.

- Bersempena dengan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1446 Hijrah, rombongan Dikir Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) lewat petang tadi berkunjung ke Masjid Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah, Kampung Sungai Kelugos, Daerah

Tutong, di sini.

Hadir mengetuai rombongan berkenaan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Datu Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Majlis berkenaan diadakan bertujuan untuk meraih rahmat dan keberkatan dari Allah Subhanahu Wata'ala serta memupuk kesedaran



YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama hadir mengetuai rombongan Dikir Kementerian Hal Ehwal Ugama yang diadakan di Masjid Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah, Kampung Sungai Kelugos (kiri). Manakala gambar atas, sebahagian daripada yang hadir memeriahkan lagi majlis dikir berkenaan.

dan keinsafan umat Islam dalam mengenang jasa dan pengorbanan Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam menyebarkan agama Islam.

Di samping itu, ia juga sebagai salah satu syiar Islam untuk memakmurkan masjid dan mengeratkan lagi hubungan silaturahim dalam kalangan

pegawai dan kakitangan KHEU dengan jemaah masjid serta penduduk kampung di sekitarnya.

Dikir 12 malam berturut-turut bagi rombongan KHEU akan diteruskan lagi pada Khamis, 12 September 2024 di Masjid Kampung Labu Estate, Daerah Temburong.

Turut hadir, Setiausaha Tetap,

KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim; Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri; dan Ketua Pegawai Ugama Daerah Tutong, Awang Haji Azman bin Haji Musa.

183 PEGAWAI, ANGGOTA PANGKAT RENDAH PPDB TERIMA PKLP

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

GADONG, Rabu, 11 September.

- Penganugerahan Pingat Kerja Lama Polis (PKLP) merupakan satu pengiktirafan dan penghargaan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada para warga Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) yang telah berkhidmat selama 20 tahun.

Seramai 183 pegawai dan

anggota pangkat rendah, PPDB menerima PKLP dalam satu majlis penyerahan yang berlangsung di Dewan Bankuet Mes, Kompleks Ibu Pejabat, PPDB, Gadong hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pesuruhjaya Polis PPDB, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali.

Turut hadir ialah Timbalan Pesuruhjaya Polis, PPDB, Dato Seri Pahlawan Awang Sulaiman

bin Alidin, pengarah-pengarah, timbalan pengarah, pegawai-pegawai kanan serta para penerima pingat.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah yang dipimpin oleh Imam Surau Ibu Pejabat Polis Gadong, APO Staf Sarjan 6472 Mohd. Yusri bin Haji Abu Bakar dan kemudian majlis diteruskan dengan penyampaian pingat-pingat kepada para penerima yang disampaikan oleh tetamu kehormat majlis.



PESURUHJAYA Polis PPDB hadir selaku tetamu kehormat majlis semasa menyerahkan Penganugerahan Pingat Kerja Lama Polis kepada para penerima (kanan). Manakala gambar bawah, para penerima semasa sesi bergambar ramai.



>> Muka 2

Pada hemat saya, untuk mendapatkan penawar ataupun syifa' daripada Al-Quran bukan setakat memperbanyak pembacaannya malahan melestarikan budaya mentadabbur dan tazkirah Al-Quran di masjid-masjid termasuk rumah, sekolah dan pejabat serta di mana pun tempat yang bersesuaian Al-Quran dilantunkan.

Bagi mencapai hasrat ini, setiap individu Muslim perlulah terlebih dahulu menguasai bacaan Al-Quran yang prasyaratnya adalah kesedian untuk mempelajari ilmu tajwid dan memperhalusi sebutan makhrab dengan penuh teliti secara berperingkat dan berterusan. Melalui kaedah bacaan yang lancar, kedua-dua pembacaan dan yang mendengarkannya akan selanjutnya berupaya untuk menghayati dan seterusnya mengundang keberkatan dan rahmat Allah kepada masyarakat dan negara yang kita sama-sama cintai.

Saya seterusnya berpendapat dan yakin, di sinilah ruang kepada para graduan Institut Tahfiz untuk turut berperanan sebagai ejen yang menyambung perjuangan mulia Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam menyebarkan syiar Islam serta bacaan Al-Quran menjurus kepada membantu masyarakat mengukuhkan pengisian kerohanian dan pengukuhan akidah termasuk mengatasi apa jua masalah atau gejala yang berkaitan bersandarkan kepada panduan lengkap seperti terkandung dalam kitab suci Al-Quran.

Di samping itu, menjaga akhlak serta memelihara harga diri yang tinggi dengan berterusan beradab dengan adab-adab Al-Quran adalah menjurus kepada menzahirkan keperibadian seorang penghafal Kitabullah sebagai bentuk tanda pengagungan diri dan insan terhadap Kalamullah, iaitu Al-Quran Al-Karim.

Akhir kalam, sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah kepada para graduan termasuk Jemaah Tadbir, ibu bapa, penjaga, tenaga pengajar dan seluruh warga Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala membalsas segala usaha dan jasa bakti mulia ini dengan balasan yang sebaik-baiknya di sisi-Nya juga.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

MEMPERKASA PEMBELAJARAN HOLISTIK, MEMACU PERTUMBUHAN AKADEMIK



MAJLIS penandatanganan Memorandum Persefahaman antara Sekolah Antarabangsa Islam Miftah An-Nur dan Institut Yunus Emre, Turkiye yang berlangsung di Kampus Miftah An-Nur (atas dan kanan).

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BERAKAS, Khamis, 12 September.

- Sekolah Antarabangsa Islam Miftah An-Nur dan Institut Yunus Emre, Turkiye hari ini merasmikan perkongsian strategiknya menerusi penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) pada majlis yang diadakan di Kampus Miftah An-Nur.

MoU tersebut menandakan langkah signifikan ke arah meningkatkan kerjasama akademik, budaya dan sosial antara kedua-dua institusi berkenaan.

Hadir selakutetamuk kehormat dan

menyaksikan penandatanganan itu ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Turkiye ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Profesor Dr. Hamit Ersoy. MoU ditandatangani oleh Timbalan Pengerusi Miftah An-Nur, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Ibrahim dan Koordinator Pusat Kebudayaan Turkiye, Lale Ersoy mewakili Institut Yunus Emre.

Melalui perkongsian strategik ini, para pelajar dan orang awam akan mendapatkan akses kepada pelbagai program termasuk kaligrafi dan kelas bahasa Turkiye yang direka untuk memperdalam kesalinghubungan budaya dan memperluas horizon pembelajaran.

Program-program berkenaan akan ditawarkan sebagai kegiatan luar kurikulum bagi para pelajar Miftah An-Nur.

Manakala komuniti sekolah dan orang ramai dapat menyertai sesi-sesi khusus yang bertujuan untuk memperluas perspektif akademik, profesional dan budaya.

Selain pendidikan bahasa dan seni, kedua-dua institusi juga komited untuk meneroka kerjasama lanjut menerusi inisiatif pendidikan, budaya dan sosial, yang akan meningkatkan jambatan budaya antara Brunei dan Turkiye.

Semasa berucap, TYT Profesor Dr. Hamit Ersoy antara lain menggariskan

pertukaran budaya berkenaan.

Kata TYT, kerjasama antara institusi tersebut adalah peluang untuk mengukuhkan hubungan antara kedua-dua negara melalui penghargaan pendidikan dan budaya.

Menurut TYT, pihaknya berharap untuk mengongsikan warisan dan menyediakan para pelajar dengan perspektif baharu yang akan menyumbang kepada pertumbuhan peribadi dan profesional mereka.

Sementara itu, Pengetua Eksekutif Miftah An-Nur, Bilal Buttar berkata, kerjasama tersebut merupakan bukti terhadap misi sekolah berkenaan untuk menyediakan pengalaman

pembelajaran holistik yang akan diperluaskan di luar bilik darjah.

"Kami rasa teruja untuk menawarkan para pelajar dan komuniti wawasan yang unik terhadap budaya dan bahasa Turki, yang membuka jalan bagi pertumbuhan akademik dan profesional lebih hebat," ujar beliau.

Mana-mana pihak yang berminat untuk mendaftar bagi kelas-kelas tersebut atau bagi pertanyaan lebih lanjut dialu-alukan untuk menghubungi Miftah An-Nur melalui talian WhatsApp +673 8307070 atau mengikuti akaun Instagram @miftah.annur bagi mendapatkan maklumat terkini.

Laungan dikir terus bergema di Istana Nurul Iman



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Haji Abdul Azim @ Haji Mu'az Haji Tujuh

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 12 September. - Majlis Dikir Syarafil Anam sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 1446 Hijrah / 2024 Masih diteruskan lagi malam tadi di Istana Nurul Iman.

Hadir pada majlis berkenaan, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap II, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), Awang Haji Muhammad Safwan bin Abdullah Bibi di ruangan lelaki. Manakala di ruangan wanita, hadir pada majlis itu ialah Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap I, KSSUP, Dayang Noralinda binti Haji Ibrahim.

Majlis dimulakan dengan

menunaikan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah yang diimamkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pengiran Haji Mohd. Hafizuddin bin Pengiran Haji Bakar disusuli dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan ayat-ayat suci Al-Quran.

Majlis turut diserikan lagi dengan tazkirah bertajuk 'Malu Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam' yang disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Awang Isham bin Ismail.

Majlis disusuli dengan persembahan dikir antaranya Dikir Assalamualaika, Dikir Khairuman, Dikir Bisyahrin, Dikir Alhamdulillah dan Dikir Badat.

Bagi memberkati majlis, Doa Dikir dan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, KHEU, Awang Haji Muhd. Azrol Alim bin Haji Zaini.

Juga hadir, para pegawai dan kakitangan dari KSSUP; Majlis Perundingan Kampung Madang; Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam (MWNBD); Belia Masjid Kampung Belimbang Subok; dan guru-guru ugama Kawasan Brunei II B.



SEKITAR Majlis Dikir Syarafil Anam sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 1446 Hijrah / 2024 Masih di Istana Nurul Iman (atas dan kanan).

KHEDN semarakkan Dikir Maulidur Rasul



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

TEMBURONG, Rabu, 11 September. - Dalam sama-sama menyemarakkan lagi suasana Sambutan Maulidur Rasul, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan

jabatan-jabatan di dalamnya mengadakan Majlis Dikir sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Kementerian berkenaan bagi Tahun 1446 Hijrah / 2024 Masihi di Masjid

SETIAUSAHA Tetap (Perbandaran dan Daerah) KHEDN hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Dikir sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Kementerian berkenaan bagi Tahun 1446 Hijrah / 2024 Masihi di Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Rataie. Juga hadir Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara.

Rancangan Perumahan Negara Kampung Rataie, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap (Perbandaran dan Daerah) KHEDN, Awang Abdul Walid bin Haji Matassan.

Majlis dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang kemudian disusuli dengan Majlis Dikir serta Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Turut hadir pada majlis tersebut, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir selaku Pemangku Penghulu Mukim Zon 1, Temburong, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan KHEDN dan jabatan-jabatan di dalamnya serta penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung, ahli-ahli jawatankuasa takmir masjid dan ahli-ahli majlis perundingan mukim dan kampung.

Objektif majlis diadakan adalah bagi sama-sama menyemarakkan

dan memeriahkan lagi Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam serta menggalakkan warga kementerian untuk terus berselawat dan memuji Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.



SEKITAR majlis berkenaan.

UNDI, PILIH CALON PENGHULU MUKIM BERAKAS 'A'

Siaran Akbar : Jabatan Daerah Brunei dan Muara

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 12 September. - Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM) memaklumkan kepada penduduk-penduduk Mukim Berakas 'A' bahawa Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Penghulu Mukim Berakas 'A' akan diadakan selama dua hari iaitu pada Jumaat, 4 Oktober 2024 dan Ahad, 6 Oktober 2024.

Majlis tersebut akan diadakan di dua tempat yang berbeza iaitu pada 4 Oktober 2024 di Dewan Theater, JDBM bermula jam 8.00 pagi hingga 11.00 petang dan disambung semula pada jam 2.00 petang hingga 4.00 petang. Manakala pada 6 Oktober 2024 akan diadakan di Dewan Muhibbah, JDBM bermula jam 8.00 pagi hingga 3.00 petang.

Sehubungan itu, Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Penghulu ini akan menggunakan dua kaedah ini iaitu secara *ballot papers* pada 4 dan 6 Oktober 2024 dan melalui undian dalam Mobile Aplikasi yang akan dibuka melalui Aplikasi e-Undi PMKK mulai pada 4 hingga 6 Oktober 2024.

Oleh itu, kepada penduduk-penduduk Mukim Berakas 'A' yang belum mendaftar, bolehlah mendaftar menggunakan borang daftar penduduk melalui pemangku ketua kampung ataupun melalui Bahagian Institusi Mukim dan Kampung (JDBM) sebelum 4 Oktober 2024 manakala bagi Mobile Aplikasi boleh mendaftar melalui Aplikasi e-Undi PMKK sebelum 3 Oktober 2024, pada jam 8.00 pagi.

JDBM seterusnya menjunjung dan mempersilakan penduduk-penduduk Kampung Mukim Berakas 'A' untuk hadir mengundi pada majlis tersebut pada tarikh, masa dan tempat yang dinyatakan.

JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
JABATAN HAL EHWAH PENGUNA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

Fikir sebelum beli

"boleh pecaya kan tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"iawah? banar kan tawarannya ani?"

Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- Dapatkan resit rasmi.
- Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna



TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Memperluas Rangkaian Industri Halal'. Tarikh Tutup : 18 September 2024
2. 'Hargai Warga Perkhidmatan Awam'. Tarikh Tutup : 25 September 2024
3. 'Tingkat Kesedaran Kesan Penderaan, Pencabulan Kanak-kanak'. Tarikh Tutup : 2 Oktober 2024

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaraf jarak langka dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam.
atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

MAJLIS DIKIR SEMPENA MAULIDUR RASUL DISEMARAKKAN



PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) hadir mengetuai rombongan Dikir KHEU yang diadakan di Masjid Kampung Labu Estate.

Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin
Pg. Dauddin

TEMBURONG, Khamis, 12 September. - Bersempena dengan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, rombongan Dikir Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) lewat petang tadi berkunjung ke Masjid Kampung Labu Estate, Daerah Temburong, di sini.

Hadir mengetuai rombongan ialah Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), KHEU, Dr. Haji Hardifadillah bin

Haji Mohd. Salleh.

Majlis tersebut diadakan bertujuan untuk meraih rahmat dan keberkatan dari Allah Subhanahu Wata'ala serta memupuk kesedaran dan keinsafan umat Islam dalam mengenang jasa dan pengorbanan Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam menyebarkan agama Islam.

Di samping sebagai salah satu syiar Islam untuk memakmurkan masjid, ia juga untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim dalam kalangan pegawai dan kakitangan KHEU dengan jemaah masjid serta

penduduk kampung di sekitarnya.

Majlis Penutup bagi Dikir 12 Malam Berturut-turut bagi Rombongan KHEU berkenaan akan diadakan pada Ahad, 15 September 2024 di Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah.

Juga hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Nasir; Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Hasan Baha bin Haji Umar; Ketua Pegawai Ugama Daerah Temburong, Awang Haris Hamdillah bin Haji Masri; serta pegawai dan kakitangan daripada KHEU dan jemputan yang hadir.

Masjid Zainab, Lumut tumpuan Majlis Dikir KHEDN

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri



AWANG Muhammad Saufi bin Awang Haji Ibrahim hadir mewakili Timbalan Setiausaha Tetap (Perundangan, Antarabangsa dan Penyelidikan), KHEDN pada Majlis Dikir Sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi KHEDN dan Jabatan-jabatan di dalamnya bagi Tahun 1446 Hijrah / 2024 Masihi. Turut hadir pada majlis tersebut ialah Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara.

LUMUT, Jumaat, 13 September. - Majlis Dikir Sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan Jabatan-jabatan di dalamnya bagi Tahun 1446 Hijrah / 2024 Masihi diteruskan lagi di Daerah Belait bertempat di Masjid Zainab, Kampung Lumut II.

Hadir mewakili Timbalan Setiausaha Tetap (Perundangan, Antarabangsa dan Penyelidikan), KHEDN, ialah Awang Muhammad Saufi bin Awang Haji Ibrahim.

Objektif majlis diadakan adalah bagi sama-sama menyemarakkan lagi sambutan hari-hari kebesaran Islam dan memeriahkan lagi suasana Sambutan Maulidur Rasul serta menggalakkan warga kementerian untuk terus berselawat dan memuji junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Turut hadir di majlis tersebut Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara dari kalangan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung di Daerah Belait, Pemangku Pegawai Daerah Belait, Ketua-ketua Jabatan, Pegawai-pegawai Kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan KHEDN dan jabatan-jabatan di dalamnya serta Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung, Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid dan Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung.

JPM semarak Dikir Maulud di Daerah Temburong

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



BANGAR, Khamis, 12 September. - Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya meneruskan lagi Majlis Dikir Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Awang Norezam bin Haji Zaini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di JPM, Pengiran Haji Raffizanna bin Pengiran Haji Razali.

Majlis didahului dengan menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh Imam Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Awang Norezam bin Haji Zaini.

Kemudian diikuti dengan bacaan wirid dan doa dan bacaan Surah Al-Fatiha dan diserikan dengan bacaan Dikir Assalamualaika serta Dikir Syarafil Anam daripada Kumpulan Dikir Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

PEMANGKU Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Dikir Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan diselanjurkan dengan penyerahan sumbangan wakaf oleh tetamu kehormat majlis kepada wakil Masjid Utama Mohammad Salleh (atas dan kanan).

Majlis diteruskan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah yang diimamkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Awang Muhammad Syahmi bin Haji Zaini, diikuti dengan Persembahan Dikir Marhaban, bacaan doa memohon kepada Allah Subhanahu Wata'ala agar negara akan terselamat daripada bala bencana dan segala

jenis penyakit serta bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Majlis diakhiri dengan penyerahan sumbangan wakaf oleh tetamu kehormat majlis kepada wakil Masjid Utama Mohammad Salleh.

Majlis yang dikendalikan bersama oleh JPA, Jabatan Penyelidikan Brunei dan Jabatan Perkhidmatan Elektrik itu dianjurkan bagi mengenang

jasa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam memperjuangkan syiar Islam sekali gus menyuntik rasa kecintaan kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dalam kalangan warga JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Turut hadir, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Mesyuarat tingkatkan kerjasama perdagangan ASEAN

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kewangan dan Ekonomi



MESYUARAT ASEAN Trade in Goods Agreement (Upgrade Negotiation) Working Group on Standards, Technical Regulations and Conformity Assessment Procedures (ATIGA Upgrade Negotiation WG STRACAP) Kali Ke-8 berlangsung di Rizqun International Hotel.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 September. - Mesyuarat ASEAN Trade in Goods Agreement (Upgrade Negotiation) Working Group on Standards, Technical Regulations and Conformity Assessment Procedures (ATIGA Upgrade Negotiation WG STRACAP) Kali Ke-8 berlangsung selama dua hari bermula hari ini di Rizqun International Hotel, di sini.

Hadir untuk mengalau-alukan

kedatangan para hadirin dari ASEAN Member States ke mesyuarat ialah Pengarah di Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan (IBE), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Awang Allen On selaku Pemangku Pengarah Pusat Standard dan Akreditasi Brunei Darussalam (PSABD).

ATIGA WG STRACAP merupakan salah satu platform bagi meningkatkan lagi kerjasama

perdagangan di rantau ASEAN melalui Piawaian dan Penilaian Konformiti sebagai instrumen kemudahan perdagangan.

Mesyuarat di peringkat kumpulan kerja ini dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan dan wakil-wakil daripada Badan Standard Kebangsaan Negara-negara Anggota ASEAN (AMS). Sesi mesyuarat dipengerusikan oleh Ketua Pakar Pembangunan Industri Perdagangan, Ma. Teresita Marites Lourdes G. Rosario dari Filipina.

Selaras juga dengan tumpuan Mesyuarat Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN Kali Ke-36, Perjanjian ATIGA yang bakal dinaik taraf ini akan menyumbang kepada integrasi ekonomi yang lebih mampan dan persekitaran yang kondusif terhadap pertumbuhan, pembangunan dan rantaian bekalan yang berdaya tahan.

Mesyuarat tersebut juga mengambil kira elemen-elemen baharu untuk dipertimbangkan di bawah Bab STRACAP yang mana dengan penaiktarafan perjanjian ATIGA STRACAP ini nanti, ia akan menggalakkan persefahaman mengenai piawai, mengukuhkan pertukaran maklumat dan meningkatkan lagi kerjasama antara badan-badan antarabangsa. Usaha sedemikian ini dijangka akan untuk meningkatkan nilai eksport untuk pasaran.



ROMBONGAN PUSAT Da'wah Islamiah, (PDI) Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Bahagian Pembangunan Muallaf (Pengupayaan Muallaf) meneruskan lagi program Rombongan Dikir Bersama Muallaf di Masjid Kampung Bukit Udal, Daerah Tutong yang diketuai oleh Penolong Pengarah PDI, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd Rahman (atas dan bawah).



CONTOHI AKHLAK MULIA RASULLAH

Siaran Akhbar dan Foto : Pusat Da'wah Islamiah

TUTONG, Rabu, 11 September. - Pusat Da'wah Islamiah, (PDI) Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Bahagian Pembangunan Muallaf (Pengupayaan Muallaf) meneruskan lagi program Rombongan Dikir Bersama Muallaf di Masjid Kampung Bukit Udal, Daerah Tutong yang diketuai oleh Penolong Pengarah PDI, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd Rahman.

Majlis tersebut disertai oleh kira-kira 90 orang terdiri daripada para mualaf dan penduduk kampung serta rombongan daripada PDI yang diketuai oleh Penolong Pengarah PDI, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd Rahman.

Majlis Dikir Bersama Muallaf ini diadakan bertujuan untuk menggalakkan para mualaf melibatkan diri mengikuti aktiviti atau majlis keugamaan dan membesarluan Hari-hari Kebesaran Islam yang antaranya berlaku pada setiap 12 Rabiulawal Tahun Hijrah iaitu tarikh kelahiran junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

SEAMEO EXCO : Menetapkan hala tuju pentadbiran Sekretariat SEAMEO

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN,

Jumaat, 13 September. - Mesyuarat Komiti Eksekutif Pertubuhan Menteri-menteri Pendidikan Asia Tenggara (SEAMEO EXCO) diadakan pada hari ini, secara dalam talian.

Mewakili delegasi dari Negara Brunei Darussalam (NBD), Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin.

SEAMEO EXCO diadakan setiap tahun, dengan menghimpunkan para pegawai kanan SEAMEO EXCO bagi memberi nasihat kepada pegawai-pegawai kanan SEAMEO mengenai teras dan usaha unit-unit SEAMEO, menetapkan hala tuju dan mengemukakan cadangan terhadap pentadbiran Sekretariat SEAMEO, serta perkembangan keseluruhan Pusat-pusat Serantau SEAMEO.

Mesyuarat tahun ini dipengerusikan oleh Timbalan Setiausaha Kurikulum dan Pengajaran, Jabatan Pendidikan, Republik Filipina, Puan Yang Terutama Dr. Gina O Gonong.

Perkara-perkara yang dibincangkan termasuk laporan



SETIAUSAHA Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan mewakili delegasi Negara Brunei Darussalam pada mesyuarat berkenaan.

mengenai rancangan kerja Sekretariat SEAMEO, rangka kerja hasil serta cadangan dan laporan projek/program di bawah SEAMEO.

Mesyuarat telah mempersetujui bagi mengesahkan beberapa cadangan untuk dibentangkan semasa Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan SEAMEO kali Ke-47, yang dijadualkan untuk berlangsung pada November 2024.

Turut menghadiri bersama-sama Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) ialah pegawai-pegawai dari Kementerian Pendidikan, NBD.



MESYUARAT Komiti Eksekutif Pertubuhan Menteri-menteri Pendidikan Asia Tenggara (SEAMEO EXCO) diadakan secara dalam talian.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah. Diteruskan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah.

Majlis disusuli dengan Tazkirah bertajuk 'Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam' yang Pemedulian Terhadap Umatnya' disampaikan oleh Penolong Pegawai Ugama, Unit Da'wah Daerah Tutong, Awang Muhammad Syahirul Syafiq bin Rashid.

Antara inti pati tazkirahnya adalah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam ialah seorang Nabi yang sangat peduli akan umatnya. Ketika Baginda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam berdakwah ke Negeri Taif, ajaran yang dibawa ditolak oleh semua penduduknya. Bahkan Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam dihina dan dihalau keluar dari Taif dengan penduduknya melemparkan batu dan ranting sehingga Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam

Wasallam terluka. Baginda lalu meninggalkan Taif tanpa rasa marah malah mendoakan akan muncul dari Negeri Taif orang yang beriman kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Baginda juga tidak ingin umatnya ditimpakan azab sehingga Baginda sentiasa mengenang dan menyimpan satu doa yang mustajab untuk digunakan sebagai syafaat kepada umatnya di hari perhitungan nanti. Sifat Baginda yang sentiasa peduli kepada umatnya ini perlu dicontohi oleh semua orang Islam supaya tidak mementingkan diri sendiri dan semoga kita semua beroleh syafaat Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam dengan mencontohi akhlak mulia Baginda.

Majlis diserikan lagi dengan Dikir Syarafil Anam dan diikuti dengan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam. Acara diakhiri dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.

دعا ممohen كثد الله سقايي ترسلامة درقد بلاء دان سكل جنيس پاکيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَنَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ۝ ۳ کالی۝.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ الْتَّامَاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ۝ ۳ کالی۝.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي
الْسَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ۝ ۳ کالی۝.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدُ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبِّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ حَيْرُ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ
اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءً. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَخِنَاهُ وَبِاللَّهِ
أَخْتَنَمَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَّا بِذِي الْعِزَّةِ وَاجْبَرُوتِ.
وَاعْتَصَمَنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلَنَا عَلَى الْحَسِنِ الَّذِي لَا
يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ
الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبَلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي
كُلِّ مَكَانٍ أَبْلَاءَ وَأَلْوَابَاءَ وَالْطَّعْنَ وَالْطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ
وَقَنَا شَرَّ الْرَّدَى بِلْطُفْكَ يَا لَطِيفُ يَا حَبِيبُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ
شَيْءٍ قَدِيرٌ ۝ ۳ کالی۝.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ،
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu ‘alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan juga di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

آية الكرسي

اللَّهُمَّ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَقُّ الْقَيُومُ لَا تَأْخُذُنَا
سِنَةً وَلَا نَوْمًا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا
فِي الْأَرْضِ مَنْ ذَاذِي
يَشْفَعُ عِنْهُ
إِلَّا يَأْذَنُهُ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ
وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ
وَسَعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَئُودُهُ
حِفْظُهُمَا وَهُوَ عَلَى الْعَظِيمِ ۝

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat ini (70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

(صلوات تفرجية)

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
الَّذِي تَنْحَلُّ بِهِ الْعَقْدُ، وَتَنْفَرِجُ بِهِ الْكُرْبُ، وَتُقْضَى بِهِ
الْحَوَاجُجُ، وَتُنَالُ بِهِ الرَّغَائِبُ وَحُسْنُ الْحَوَالَاتِ، وَيُسْتَسْفَى
الْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَاحِبِهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ
وَنَفْسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurallah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapaillah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahnianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

سَيِّدُ الْإِسْتِغْفارِ

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ،
وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا أُسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنَعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنْبِي،
فَاغْفِرْ لِي فِيْنَهُ، لَا يَعْفُرُ الذُّنُوبُ إِلَّا أَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahanan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن يعث مباوا كبر او نتو عن ساعت بسر كقد قع عملن (تولق بلاء)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَلَا حُوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung juga).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

(3)

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

(2)

حَسِبْنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

(1)

يَا حَيُّ يَا قَيُومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغْيِثُ

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

(5)

وَأَفْوِضْ أَمْرِي إِلَى اللَّهِ

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya kepada Allah jua)).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapat enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

(4)



BERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam adalah penutup semua nabi, tiada nabi dan rasul selepas Baginda. Kelahiran Baginda telah membawa sinar dan rahmat ke seluruh alam, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Anbiya, ayat 107 :

Tafsirnya : "Dan Kami tidak mengutus engkau (wahai Nabi Muhammad) melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam".

Ayat ini menjelaskan bahawa Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam diutus menjadi nabi dan rasul adalah untuk menyampaikan ajaran-ajaran Allah Subhanahu Wata'ala, bukan hanya untuk satu golongan atau bangsa tertentu sahaja bahkan adalah untuk kesejahteraan seluruh alam. Itulah nikmat kurnia Allah Subhanahu Wata'ala kepada umat manusia sepanjang zaman. Baginda membawa sinar cahaya yang menyinari bumi ini dengan cahaya tauhid dan memadamkan kegelapan syirk dan kekufran, membawa satu sistem kehidupan yang penuh bertamadun dan adil iaitu syariat agama Islam, serta mendidik umat Islam berakhlik dan berbudi

Mencintai Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dengan berselawat

pekerja yang mulia. Justeru, kelahiran Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam merupakan nikmat dan rahmat yang tidak terhingga untuk umat Islam di seluruh dunia mensyukuri dan mengingatinya.

Umat Islam di seluruh dunia memperingati hari kelahiran Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang disambut atau diraikan pada setiap 12 Rabiulawal. Kita di Negara Brunei Darussalam ini juga ketinggalan memperingati kelahiran Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam dengan berbagai-bagai acara keagamaan yang dirancang dan dijalankan seperti Majlis Dikir Syarafil Anam selama 12 malam berturut-turut di masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat di seluruh negara, majlis ceramah agama, forum dan acara kemuncak Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara. Semua itu, kita adakan adalah sebagai tanda kasih dan menyburkan kecintaan terhadap Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam dan juga untuk menambahkan penghayatan beragama serta mensyiaran kemuliaan Islam sebagai agama yang diredai oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Allah Subhanahu Wata'ala memerintahkan kita selaku umat yang beriman supaya mencintai dan mengasihi Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dengan mengikut sunnah yang dibawa Baginda. Salah satu cara kita menunjukkan rasa cinta dan kasih kita kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ialah dengan membanyakkan selawat. Allah Subhanahu Wata'ala telah berfirman dalam Surah Al-Ahzab, ayat 56 :

Tafsirnya : "Sesungguhnya Allah dan malaikat-malaikat berselawat kepada nabi. Wahai orang-orang yang beriman! Berselawatlah kepadanya serta ucapkanlah salam dengan penuh penghormatan".

Sesungguhnya selawat adalah doa-doa yang merupakan sanjungan kepada kebesaran Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam agar Baginda selalu mendapat limpah rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Maka berselawat dengan niat yang ikhlas dan janganlah berselawat hanya semata-mata untuk meraih kelebihan-kelebihan yang akan diperoleh. Lafaz selawat memang cukup mudah dan tidak mengambil masa yang lama untuk melakukannya. Sekurang-kurang selawat itu ialah :

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ

Manakala selawat yang paling lengkap dan sempurna, iaitu selawat yang sering kita baca di dalam sembahyang ialah Selawat Ibrahimiah. Daripada Abu Mas'ud Al-Ansari Radiallahuanhu, dia berkata : "Datangkan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam kepada kami sedang kami bersama-sama dalam majlis Sa'ad bin Ubah. Maka bertanyalah Basyr bin Sa'ad : "Kami diperintahkan Allah supaya mengucapkan selawat untuk tuan Ya Rasulullah, maka bagaimana caranya kami mengucapkan selawat itu? Maka Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam diam beberapa lamanya sehingga timbul perasaan kami, alangkah baiknya jika dia tidak bertanya tadi. Kemudian barulah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, sebutlah :

Ertinya : "Ya Allah berilah selawat kepada Muhammad dan keluarga Muhammad, sebagaimana engkau telah memberikan selawat kepada Ibrahim dan keluarga Ibrahim. Dan anugerahilah berkat kepada Muhammad dan keluarga Muhammad, sebagaimana telah engkau anugerahi berkat kepada Ibrahim dan keluarga Ibrahim di dalam sekalian alam. Sesungguhnya Engkau adalah Maha Terpuji, lagi Maha Mulia".

Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu ia berkata, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "Seseorang itu amat hina dalam makna bakhil jika namaku disebutkan di sisinya akan tetapi ia tidak mengucapkan selawat kepadaku". (Hadis Riwayat Imam Termizi)

Sesungguhnya ucapan selawat adalah satu amalan yang mulia yang pasti mendapat ganjaran daripada Allah Subhanahu Wata'ala, maka apabila nama Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam disebut, hendaklah kita mengucapkan selawat ke atas Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam.

Mereka yang tidak mengucapkan selawat apabila mendengar nama Baginda disebut adalah tergolong orang yang sangat hina dalam arti kata bakhil dan kedekut. Sememangnya banyak ganjaran yang akan diperoleh oleh orang yang sentiasa melazimkan dirinya berselawat, antaranya ialah sebagaimana dalam hadis yang

diriwayatkan oleh Imam Muslim daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, bahawa sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Sesiapa mengucapkan selawat sekali kepadaku, Allah berselawat (memberi rahmat) kepadanya 10 kali". (Hadis Riwayat Imam Muslim)

Selain itu, ganjaran berselawat juga akan mendapat syafaat di akhirat kelak. Sebagaimana yang disebutkan dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Termizi daripada Abdullah bin Mas'ud Radiallahuanhu bahwasanya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Manusia yang paling utama bersamaku nanti pada Hari Kiamat ialah orang yang paling banyak mengucapkan selawat kepadaku".

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sangat merindui umatnya walaupun Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam tidak pernah bertemu kita. Itulah keagungan pada diri Baginda. Perkara ini ada disebutkan oleh Imam At-Tabarani dalam Kitab Al-Mukjam Al-Kabir, maksudnya : "Aku ingin bertemu dengan saudara-saudaraku" Lalu para sahabat bertanya : "Tidakkah kami ini saudara-saudaramu?" Baginda menjawab : "Kamu adalah sahabat-sahabatku, sedangkan saudara-saudaraku adalah mereka yang beriman denganku walaupun mereka tidak pernah melihatku".

Oleh yang demikian, para jemaah yang dirahmati Allah, marilah kita membanyakkan selawat kepada Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam. Kita beriman dengannya dan melaksanakan ajaran-ajaran yang dibawa Baginda. Sesungguhnya kita benar-benar merindui Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan kerinduan kita adalah tidak bertepi. Semoga dengannya kita akan mendapat syafaat Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam di akhirat kelak serta mendapat rahmat dan keampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Amin Ya Rabbal Alamin.

Tafsirnya : "Dialah mengurniakan rahmat kepada kamu dan malaikat-malaikat pula (berdoa memohonkan ampun bagi kamu) untuk mengeluarkan kamu daripada kegelapan-kegelapan (kufur) kepada cahaya (iman). Dan Dia adalah Maha Pengasih kepada orang-orang yang beriman". (Surah Al-Ahzab, ayat 43)

PDI adakan Majlis Malam Mencintai Rasul

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Alishahrin Haji Mumin

TUTONG, Khamis, 12 September. - Pusat Da'wah Islamiah (PDI) melalui Unit Da'wah Daerah Tutong malam tadi mengadakan Majlis Malam Mencintai Rasul sempena Sambutan Maulidur Rasul bersama mualaf dan Non-Muslim di Pejabat Unit Da'wah Daerah Tutong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri. Turut hadir, Penolong Pengarah PDI, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd. Rahman; para pegawai dan kakitangan PDI serta para mualaf dan Non-Muslim Daerah Tutong.

Majlis dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, diikuti dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh tetamu kehormat majlis.

Kemudian diteruskan dengan tazkirah bertajuk 'Mengapa Kita Perlu Mencintai Rasulullah' yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Pejabat Unit Da'wah Daerah Tutong, Dayang Hajah Siti Noraziah binti Haji Asli.

Majlis juga diserikan dengan Persembahan Selawat Tafrijiyah, Qasidah Tolama Ashku, Qasidah Ya Hanana dan Dikir Asyrakal. Selepas itu, bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam bagi memberkati majlis dan diakhiri dengan menunaikan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.

Selain untuk memeriahkan sambutan dan memperingati



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Malam Mencintai Rasul sempena Sambutan Maulidur Rasul bersama mualaf dan Non-Muslim di Pejabat Unit Da'wah Daerah Tutong (atas). Sementara gambar kiri, sekitar majlis berkenaan.

Maulidur Rasul, majlis juga bertujuan untuk menyampaikan syiar dan pendidikan Islam kepada masyarakat khususnya para mualaf dan yang bukan beragama Islam (Non-Muslim), di samping untuk mengajak para mualaf bagi sama-sama menghayati serta menzahirkan rasa cinta kepada Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.



**Khutbah Jumaat Negara
Brunei Darussalam pada**

**9 RABIULAWAL 1446H/
13 SEPTEMBER 2024M**

Mencintai Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam Dengan Berselawat

جیانن حلال احوال مسجد
JABATAN HAL EHWAH MASJID,
KEMENTERIAN HAL EHWAH UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**12 Rabiulawal:
Hari kelahiran Rasulullah SAW**

Allah SWT memerintahkan kita selaku umat yang beriman supaya: Mencintai dan mengasihi Rasulullah SAW dengan mengikut sunnah yang dibawa Baginda

Salah satu cara kita menunjukkan rasa cinta dan kasih kita kepada Rasulullah SAW ialah dengan: **Membanyakkan Selawat**

SELAWAT

- 📌 Satu amalan yang mulia yang pasti mendapat ganjaran daripada Allah SWT
- 📌 Doa-doa sanjungan kepada kebesaran Rasulullah SAW agar Baginda selalu mendapat limpah rahmat daripada Allah SWT
- 📌 Sekurang-kurang selawat itu ialah:

اللّٰهُمَّ صَلِّ عَلٰى مُحَمَّدٍ وَعَلٰى آلِ مُحَمَّدٍ
- 📌 Selawat yang paling lengkap dan sempurna: **Selawat Ibrahimiah** (selawat yang sering kita baca di dalam sembahyang)

APA YANG BOLEH KITA BUAT

- ✓ Selawatlah dengan niat yang ikhlas, jangan berselawat hanya semata-mata untuk meraih kelebihan-kelebihan yang akan diperolehi
- ✓ Apabila nama Nabi Muhammad SAW disebut, hendaklah kita mengucapkan selawat ke atas Baginda Rasulullah SAW


**IKLAN JAWATAN KOSONG
PERKHIDMATAN AWAM**
 MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT
 KFI AYAKAN SFRTA HIRAIAN TUGAS DAN TANGGUNG JAWAB ROI FH DIU AYARI
 DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN
PERINGATAN PENTING

1 Teliti Skim Iklan sebelum memohon.



2 Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.

1 Lengkapkan Profil PSCR 2.0

2 Lengkapkan Kelulusan

3 Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap

4 Jandsir "✓" pada kotak semak "Jawatan Sekarang"

5 Lengkapkan Maklumat

Takai Maka...

PSCB.N...

query@spa.gov.bn

PSC.BR...

Jawatan, Tingga Gaji dan Bilangan Iklan	Jabatan dan Kementerian	Kekosongan	Jenis Iklan	Tarikh Tutup Permohonan
1. PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT II B.2 EB.3 / B.2 (BAHAGIAN II) 2024/SEP/01/KPG	DIVISIEN PELABURAN DAN UNDANG-UNDANG, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	01	7(A)	21 SEPTEMBER 2024
2. PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT II B.2 EB.3 / B.2 (BAHAGIAN II) 2024/AUG/05/KPG	DIVISIEN PENGURUSAN LEMBAGA, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	01	7(A)	21 SEPTEMBER 2024
3. PEGAWAI MELESEN PERIKANAN D.3 EB.4-5 (BAHAGIAN IV) 2024/AUG/03/KSSUP	JABATAN PERIKANAN, KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PEALCONGAN	01	7(A)	21 SEPTEMBER 2024

PERINGATAN:
 1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".
 2. PEMOHON YANG BUKAN TERDUKI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAHAN HANYA ROI FH MUJAH JAWATAN YANG DIKLANKAN DI DAWAI PERATURAN 7(A) SATIAJA.
 3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN


**JABATAN
PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI**
Warranty Extension
 Peralatan-Peralatan File Server
 Jabatan Perkhidmatan Awam
 [REF No. (26) JPA / 1.5 / PTM (ICT-SERVER) / 1 / 2024]

Tarikh Tutup :
 Selasa, 24 September 2024
 Jam 2.00 Petang

**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**
**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan
Di Dalam**
Kelas :
 IV sahaja

Kategori :
 KA01 / KPB04 / M03 sahaja

Bilangan Tawaran:
 JKR / DWS / 015 / 2024

Nama Projek:
 Membekal dan Memasang
 Paip Air Inlet Baharu Ke Tangki
 Simpanan Lumapas 2,
 Daerah Brunei Muara
 (Tawaran Semula)

Yuran Tawaran :
 BND1000.00
 (Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen :
 BND5.00
 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
 Selasa,
 24 September 2024

Tarikh Tutup Tawaran :
 Selasa, 1 Oktober 2024,
 Tidak lewat jam 2.00 Petang.

JABATAN PERDANA MENTERI
**Jabatan Perkhidmatan
Pengurusan
Jabatan Perdana Menteri**
Iklan Tarikh Lanjutan
**Bilangan
dan**
Tajuk Sebut Harga:

JPP / 1 / 3 / 16 / 3 / 24-25

 Proposal For Recertification
 Towards Quality Management
 System ISO 9001:2015
 For Management Services
 Department, Prime Minister's
 Office

**Yuran Sebut Harga
(Termasuk e-dokumen):**

 BND5.00
 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Buka Tawaran:

 Isnin,
 26 Ogos 2024

Tarikh Tutup Dilanjutkan:

 Rabu,
 25 September 2024
 Jam 2.00
 Petang

**JABATAN BANDAR
KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAH
DALAM NEGERI**
Bilangan Tawaran:
 42 / BBS / SH / BKA /
 2024 – 2025

Keterangan Projek:
 Sebut Harga Bagi Kerja-Kerja
 Membaiki Kerosakan
 Barek 768-A Spg 36-35
 Jalan Derma Wangsa
 Kampung Mumong
 Kuala Belait

 Dibukakan kepada
 pemborong-pemborong yang
 berdaftar dengan
 Kementerian Pembangunan
 Negara Brunei Darussalam
 (Kelas I dan II Kategori S02)

Bilangan Tawaran:
 43 / BBS / SH / BKA /
 2024 – 2025

Keterangan Projek:

 Sebut Harga Bagi
 Kerja-Kerja Mengganti
 dan Memasang Baharu
 Papan Tanda
 Bagi Bangunan Pusat
 Perniagaan Kuala Belait

 Dibukakan kepada
 pemborong-pemborong yang
 berdaftar dengan
 Kementerian Pembangunan

Makluman Tarikh Lanjutan
Kelas :
 V & VI sahaja

Kategori :
 KA01

**Tarikh Mengambil
Dokumen Tawaran :**

31 Julai 2024

**Tarikh Akhir
Mengambil Dokumen
Tawaran Dilanjutkan:**

 Selasa
 24 September 2024
 Jam 3.00 Petang.

**Tarikh Tutup
Tawaran Dilanjutkan :**

 Selasa
 1 Oktober 2024,
 Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Bilangan Tawaran:
 JKR / DOR / SRM 13 / 2024

Nama Projek:
 Meningkatkan Tahap
 Keselamatan Jalan Raya

Yuran Tawaran :
 BND1,000.00
 (Tidak dikembalikan)

 Negara Brunei Darussalam
 (Kelas I dan II Kategori S02)

Bilangan Tawaran:
 44 / BBS / SH / BKA / 2024 – 2025

Keterangan Projek:
 Sebut Harga Bagi
 Kerja-Kerja Mengganti dan
 Memasang Baharu Papan
 Tanda Bagi Bangunan
 Pusat Perniagaan Seria

 Dibukakan kepada
 pemborong-pemborong yang
 berdaftar dengan
 Kementerian Pembangunan
 Negara Brunei Darussalam
 (Kelas I dan II Kategori S02)

Yuran Tawaran:
 BND5.00
 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :
 Selasa,
 17 September 2024
 Jam 2.00
 Petang

**Jabatan
Pertubuhan-Pertubuhan
Antarabangsa
Kementerian
Hal Ehwal Luar Negeri**
Iklan Jawatan Kosong
**Jawatan Kosong
Di Sekretariat Komanwel,
London,
United Kingdom**
Jawatan :
 Gender Adviser

Kekosongan :
 1

Tarikh Tutup :
 13 September 2024

 Untuk maklumat,
 maklumat lanjut mengenai jawatan
 tersebut termasuk permohonan
 boleh didapati melalui laman
 sesawang :
<http://thecommonwealth.org/jobs>

KEMENTERIAN PENDIDIKAN
**Sebut Harga Membekal
dan
Menghantar Toner /
Cartridge Printer**
**DA / JKSH / 71 / 2024 / 2025
[UPP-SEPT-2024]**

 Sebut Harga Bagi
 Membekal Dan Menghantar
 Toner / Cartridge Printer Bagi
 Kegunaan
 Unit Stor dan Perbekalan,
 Bahagian Perkhidmatan
 Kewangan Dan Perbekalan
 Kementerian Pendidikan
 Bagi Tempoh
 Satu (1) Tahun

**Bayaran Yuran
Sebut Harga :**

BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu :

 Sabtu,
 28 September 2024
 (Jam 9.00 Pagi)




KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA

Bahagian Teknologi Maklumat
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:

34 / KHEU / BTM / 2 / RFQ / 2024

The Supply, Delivery,
Installation, Setup,
Configuration, Testing, and
Maintenance for Switches
at The Religious and
Arabic Schools Under
Ministry of Religious Affairs

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
25 September 2024
Jam 2.00 Petang



UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT,
DIVISIEN PENGURUSAN
KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Notis Sebut Harga

Bil. Sebut Harga :

KPN / IT / 002 / 02.7 / 2024 / Q09
Invitation for Two Years Network
Preventive Maintenance
for Ministry of Development
Headquarter (MOD HQ).

Bayaran Bagi Setiap E-Dokumen

Sebut harga:

BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Buka:

Rabu,
4 September 2024

**Tarikh Akhir Pembelian
dan Pembayaran:**

Khamis,
19 September 2024

Tarikh Tutup:

Ismi,
23 September 2024
Jam sebelum 9.00 Pagi



JABATAN RADIO
TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga :**

RTB / 103 / 24 – 25
Supply And Delivery Of Subtitle
Preparation Workstation

**Bayaran Yuran
(Termasuk e-dokumen):**

BND5.00
(Jika perlu dan tidak dikembalikan)

Salinan Kertas:

BND5.00
(Jika perlu dan tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :

Rabu,
25 September 2024
Jam 2.00 Petang



INSTITUT PERKHIDMATAN
AWAM

Notis Sebut Harga

Tajuk Sebut Harga :

IPA / PENT / IKLAN / 530
The Redesign, Development,
Implementation And Support
Of Institut Perkhidmatan Awam
(IPA) Website 2024


Tarikh Tutup

Bagi Sebut Harga :

Selasa,
24 September 2024
Jam 9.00 Pagi

Yuran Sebut Harga :

BND5.00
(Tidak dikembalikan)



JABATAN RADIO
TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga :**

RTB / 106 / 24 – 25
Pembinaan Set
Bagi Rancangan
“Bintang Harmoni 2024”

**Bayaran Yuran
(Termasuk e-dokumen):**


BND5.00
(Jika perlu dan tidak dikembalikan)

Salinan Kertas:

BND5.00
(Jika perlu dan tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :

Rabu,
25 September 2024
Jam 2.00
Petang



JABATAN KASTAM DAN
EKSAIS DIRAJA
KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI

**TAWARAN KASTAM
BIL. 14 / 2024**

Tawaran Bagi Pembekalan
Catuan Makanan Bulanan
Selama Enam (06) Bulan
Untuk Cawangan dan
Pos-Pos Kawalan,
Jabatan Kastam dan
Eksais Diraja,
Kementerian Kewangan
dan Ekonomi,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup :

Selasa,
24 September 2024
2.00 Petang



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan
Di Dalam

Kelas :

II dan III sahaja

Kategori :
P01 sahaja

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 027 / 2024

Nama Projek:

Membekal dan Menghantar Alat
Ganti untuk Pam (Kubota Pump)
Air Bersih bagi Loji Rawatan Air
Layong

Yuran Tawaran :
BND30.00 (Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :**

Selasa,
10 September 2024

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
24 September 2024,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas :
II & III

Kategori :
B01 Kod Baharu

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :**

Selasa,
17 September 2024

Yuran Tawaran:
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 34 / CQS / 2024-T / II

Nama Projek:
Menaiktaraf Dan Pembangunan
Stadium Negara Hassanal Bolkiah,
Berakas
– Fasa 2 – Annex Louvers Works

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
1 Oktober 2024,
Tidak lewat jam 2.00 Petang



JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0026 / 2024

Tajuk Sebut Harga:
Drafting Services
For Preparation Of Tender
Documentation For
Upgrading Electric Supply
At Tapak Ternakan Udang Laut,
Kg Keramut,
Tutong

Tarikh Tutup :
Khamis,
19 September 2024





سَمْبَوَاتُنْ مَوْلُودُنْ بَرِّ مُحَمَّدٍ
قریعکت نکار تاهون ۱۴۴۶م

**Sambutan Maulud Nabi Muhammad Shallallahu 'Alaihi Wasallam
Peringkat Negara Tahun 1446 Hijrah**

تیما: مملیهارا عقل برقدوکن سنه رسول الله ﷺ

Tema:

Memelihara Akal Berpandukan Sunnah Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam

۱۲ ربیع الاول ۱۴۴۶م برساماءن ۱۶ سیپتیمبیر ۲۰۲۴

نقشت : تامن حاج سرمود اعمرا علی سیف الدین، بندرسری بکاؤن

12 Rabiulawal 1446 Hijrah bersamaan 16 September 2024 Masihi

Jam: 7.00 pagi

Tempat:

- Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan
- Kawasan Lapang Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Daerah Tutong
- Padang Bandaran Kuala Belait, Daerah Belait
- Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan Pekan Bangar, Daerah Temburong



2382525 / 2382301 / 2382302



WWW.MORA.GOV.BN



KHEU.BRUNEI



Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

TEMBURONG, Rabu, 11 September. - Memandangkan kebanyakannya mangsa jenayah penipuan dalam talian adalah warga emas, Bahagian Siasatan Jenayah Siber (BSJS) Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) telah dijemput oleh Pihak Berkusa Industri Info-Komunikasi Brunei

Darussalam (AITI) untuk menyampaikan sesi taklimat pada Program Digital Warga Emas bagi Daerah Temburong, baru-baru ini.

Taklimat yang disampaikan oleh Ketua Inspektor Adinin bin Haji Ahmad menyentuh isu mengenai penipuan dalam talian

MENINGKATKAN KEWASPADAAN TERHADAP JENAYAH SIBER

(online scam), yang menerangkan mengenai melayari aplikasi media sosial yang sering menjadi platform bagi penjenayah siber dalam mendapatkan mangsa-mangsa mereka.

Para warga emas juga ditekankan mengenai tanggungjawab dan kewaspadaan mengenai data peribadi, termasuk data akaun bank untuk tidak dikongsikan di mana-mana aplikasi media sosial.

Selain itu, adalah diharapkan dengan pengisian taklimat mengenai penipuan dalam talian ini akan dapat menarik tumpuan peserta dan memberikan kesan serta impak positif kepada mereka.

PPDB juga menyarankan agar jabatan-jabatan awam dan swasta menyedari betapa pentingnya pengetahuan mengenai ancaman siber dan melaksanakan sesi kesedaran bagi pegawai dan kakitangan masing-masing mengenai penularan jenayah siber di negara ini.



SEKITAR sesi taklimat pada Program Digital Warga Emas bagi Daerah Temburong (atas dan atas kiri).

ILC : Bincang prinsip kepimpinan dalam konteks ajaran Islam



Siaran Akhbar dan Foto : Brunei Institute of Leadership & Islamic Finance

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 September. - Brunei Institute of Leadership & Islamic Finance (BILIF) dengan kerjasama Menara Syariah, Indonesia menganjurkan Islamic Leaders Conference (ILC) 2024 yang berlangsung dari 11 hingga 12 September 2024 di Menara Syariah, PIK2, Jakarta, Indonesia.

Acara berkenaan disokong oleh Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) dan beberapa institusi kewangan terkemuka dari Indonesia, seperti Nanobank Syariah, Bank Jatim Syariah, Bank Syariah Indonesia, BCA Syariah, Aladin Bank Syariah, dan Bank BJB selaku penaja acara.

Persidangan berkenaan merupakan kerjasama pertama sejak penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) antara BILIF dan PT Fin Centerindo Satu (FIN SATU), pemilik projek dan pengurus bangunan Menara Syariah pada 25 April 2024.

Persidangan berkenaan dihadiri oleh peserta dan para profesional dari Negara Brunei Darussalam (NBD) dan dari Indonesia.

Bertemakan 'Leadership and Islam', antara lain objektif persidangan berkenaan adalah untuk menampilkan para pakar dari NBD dan Indonesia untuk membincangkan prinsip-prinsip kepimpinan dalam konteks ajaran Islam, dengan fokus kepada bagaimana nilai-nilai Islam boleh membimbing dan membentuk

kepimpinan yang berkesan dan beretika dalam masyarakat yang pelbagai.

Persidangan berkenaan juga meneroka perbandingan antara nilai-nilai kepimpinan Islam dan konvensional atau barat. Perbincangan utama merangkumi model kepimpinan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, dengan penekanan kepada sifat-sifat seperti keadilan, belas kasihan, dan kerendahan hati dalam mengharungi dunia yang mencabar, peranan Maqasid Syariah dalam memacu kejayaan organisasi, kepimpinan wanita, dan rahsia kejayaan Ketua-ketua Pegawai Eksekutif (CEO Success).

Acara dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Pengurus Menara Syariah, Harianti Solichin. Dalam ucapannya, beliau menekankan nilai-nilai seperti belas kasihan, keadilan, dan perpaduan sebagai teras ajaran Islam, sambil menggalakkan para peserta untuk bekerjasama dalam meningkatkan kefahaman dalam kalangan komuniti yang berpelbagai.

Beliau turut menyentuh bahawa persidangan berkenaan menjadi peluang yang baik untuk berkongsi strategi dan penyelesaian yang bukan sahaja bagi menangani isu-isu semasa, tetapi juga memperkasa belia, meningkatkan kesejahteraan golongan yang tersisih, serta mempromosikan keamanan dan kerjasama.

Acara turut menampilkan



BRUNEI Institute of Leadership & Islamic Finance (BILIF) dengan kerjasama Menara Syariah, Indonesia menganjurkan Islamic Leaders Conference (ILC) 2024 yang berlangsung dari 11 hingga 12 September 2024 di Menara Syariah, PIK2, Jakarta, Indonesia (atas kiri dan atas).

ucaptama oleh Timbalan Gabenor Kanan Indonesia, Destry Damayanti yang antara lainnya menekankan lima prinsip utama dalam pembangunan ekonomi dan kewangan Syariah, iaitu keadilan, keterangkuman, kerjasama, kelestarian, dan kebajikan.

Beliau juga turut mengetengahkan kepentingan mendorong ke arah keadilan, memperluaskan akses kepada perkhidmatan kewangan, mengukuhkan kerjasama, mengutamakan pelaburan yang beretika dan lestari, serta meningkatkan kebajikan.

Bagi merealisasikan potensi berkenaan, beliau menegaskan pentingnya kepimpinan transformasi yang berpegang teguh kepada inovasi, termasuk pelaburan dalam teknologi baharu, penerapan penyelesaian FinTech patuh Syariah, dan pendigitalan perkhidmatan kewangan.

Pembentangan ucaptama juga dilangsungkan bertajuk 'Islamic Values and Indonesian Identity to Advance the Economy and Welfare of the People' dan 'Leadership in Bank Syariah Indonesia' serta perbincangan panel mengenai 'Leading Ladies : Glass Ceilings'

and Broken Rungs' dan 'Islamic Leadership - Solution to Modern Leadership Challenges?'.

Barisan penceramah dan ahli panel Indonesia sepanjang persidangan berkenaan antaranya Timbalan Pengurus, Majelis Ulama Indonesia bagi tempoh 2020-2024, Dr. H. Anwar Abbas, M.M, M.Ag; Setiausaha, Direktorat Jeneral Perbendaharaan Indonesia, Dwi Irianti Hadiningdyah; Timbalan Pengarah, Komite Wilayah Ekonomi dan Kewangan Syariah, Banten, Profesor Dr. Euis Amalia; Presiden Pengarah, Garuda Indonesia, Profesor Dr. Ir. Irfan Setiaputra; Pesuruhjaya, Bank Syariah Indonesia, Profesor Dr. Komaruddin Hidayat; Setiausaha Agung, Kementerian Agama Republik Indonesia, Profesor Muhammad Ali Ramdhani; Timbalan Menteri Hal Ehwal Agama, Indonesia, K.H. Saiful Rahmat Dasuki; dan Ketua Pegawai Eksekutif, Bank Central Asia Syariah, Yuli Melati Suryaningrum.

Persidangan berkenaan juga menampilkan penceramah dan pengamal tempatan termasuk Penolong Pengarah Urusan, Brunei Darussalam Central Bank (BDCB), Maklumat lanjut mengenai BILIF boleh didapati melalui laman sesawang BILIF di www.bilif.com.bn atau akaun Instagram @BILIF.bn.

Dayang Hajah Sufinah binti Haji Sahat; Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif, BILIF, Awang Haji Afero Eswandy bin Haji Mohammad; dan Pensyarah Universiti Brunei Darussalam, Dr. Awang Mohammad Iznan bin Haji Tarip, dan lain-lain.

ILC 2024 akan diteruskan pada hari kedua dengan pelbagai pembentangan dan perbincangan panel termasuk 'Maqasid Syariah : Ingredients of Organisational Success?', 'In the Tradition of the Prophet – Leading with Impact', 'CEO Conversations : Secrets of Success (SOS)', 'Leadership by Innovation towards Sustainability and Success'.

BILIF, sebagai sebuah pusat kecemerlangan bagi industri kewangan di negara ini, sentiasa giat menjalankan misinya untuk membentuk pemimpin, pakar, dan pemacu inovasi masa depan terutamanya dalam bidang kewangan Islam dan kepimpinan melalui program dan acara bertaraf antarabangsa.

Maklumat lanjut mengenai BILIF boleh didapati melalui laman sesawang BILIF di www.bilif.com.bn atau akaun Instagram @BILIF.bn.

Dikompaun BND1,400 akibat menjual, kendali walkie-talkie tanpa lesen

Siaran Akbar : Pihak Berkusa Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 13 September. - Pihak Berkusa Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) mengeluarkan denda kompaun dan notis amaran kepada lima syarikat selepas didapati menjalankan penjualan peralatan telekomunikasi dan penggunaan walkie-talkie tanpa bukti lesen yang sah dan kebenaran kelengkapan yang diperlukan.

Sebuah syarikat didapati melanggar Seksyen 34(1) Perintah Telekomunikasi, 2001 kerana menawarkan untuk jualan sebarang kelengkapan telekomunikasi tanpa lesen penjual yang sah, dan Seksyen 35(1) Perintah Telekomunikasi, 2001 kerana mengendalikan kelengkapan radio-komunikasi, iaitu walkie-talkie, tanpa lesen yang diperlukan. Syarikat berkenaan dikenakan dua denda kompaun berjumlah BND1,400.

Sementara tiga buah syarikat lain didapati melanggar Seksyen 35(1) Perintah Telekomunikasi, 2001 kerana mengendalikan kelengkapan radio-komunikasi, iaitu walkie-talkie tanpa lesen. Ketiganya syarikat berkenaan dikenakan denda kompaun sebanyak BND700 setiap satu.

Kesemua syarikat tersebut diberikan notis amaran kerana gagal mendapatkan kebenaran kelengkapan yang diperlukan daripada AITI menurut Seksyen 9, Perintah Telekomunikasi, 2001.

AITI ingin mengingatkan orang ramai bahawa sistem dan perkhidmatan telekomunikasi tidak berlesen boleh menyebabkan gangguan kepada infrastruktur kritikal dan perkhidmatan penting, yang boleh mengganggu operasi harian agensi kerajaan, penyedia-penyedia perkhidmatan tempatan, institusi-institusi pendidikan dan perniagaan-

perniagaan yang bergantung kepada telekomunikasi.

Orang ramai dinasihatkan untuk mendapatkan nasihat dan kebenaran AITI sebelum memasang mana-mana sistem telekomunikasi, menyediakan sebarang perkhidmatan telekomunikasi atau mengendalikan sebarang peralatan

telekomunikasi atau radio-komunikasi.

Para peniaga dan orang awam dilakukan untuk mendapatkan lesen yang berkaitan untuk penubuhan, pemasangan, penyelenggaraan, penyediaan atau pengendalian mana-mana sistem atau perkhidmatan telekomunikasi

atau radio-komunikasi melalui AITI's Online Services portal di <https://online.aiti.gov.bn>.

Orang ramai juga boleh membantu AITI dalam usaha membendung sebarang aktiviti yang tidak berlesen dengan membuat aduan kepada enforcement@aiti.gov.bn.

KEPUTUSAN TPK 3, 4 ANGKA SIRI BBH DIKELUARKAN, 14 SEPTEMBER INI

Siaran Akbar : Jabatan Pengangkutan Darat

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 13 September.

- Jabatan Pengangkutan Darat (JPD), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa keputusan Tanda Pengenal Kenderaan (TPK) bagi tiga dan empat angka Siri BBH melalui Click-and-Bid akan diumumkan melalui laman sesawang JPD di www.jpd.gov.bn dan juga www.nomborku.gov.bn pada Sabtu, 14 September 2024.

Sukacita dimaklumkan kepada semua penender yang telah mengikuti Tarawan Tertutup TPK sama ada berjaya atau sebaliknya juga akan menerima e-mel mengenai keputusan tarawan berkenaan melalui e-mel yang didaftarkan bersama pihak jabatan berkenaan.

Penender yang berjaya adalah dikehendaki untuk mematuhi terma dan syarat pendaftaran kenderaan seperti berikut, iaitu penender yang berjaya adalah dikehendaki menjelaskan keseluruhan harga tawaran dan mendaftarkan TPK atas nama penender sendiri tidak lewat satu bulan daripada tarikh surat berjaya dikeluarkan, dan jika penender gagal untuk melunaskan pembayaran dalam tempoh satu bulan daripada tarikh surat berjaya dikeluarkan, tarawan TPK penender adalah dibatalkan.

Sementara bagi permohonan untuk melanjutkan tempoh kebenaran mendaftar TPK bolehlah dipohonkan setelah bayaran penuh dijelaskan dan dihadapkan dalam tempoh satu bulan daripada tarikh surat tarawan berjaya dikeluarkan.

Setelah pembayaran berjaya dibuat, sekiranya pemohon belum mendaftarkan TPK dan berhasrat untuk menyimpan TPK, penahanan TPK bolehlah dibuat dengan jumlah bayaran penahanan sebanyak

BND20 bagi tempoh setiap satu tahun penahanan.

Tempoh minima bagi penahanan adalah satu tahun dan maksima 10 tahun mengikut jangka masa yang dipilih bagi setiap TPK, sementara pembayaran TPK berjaya dan penahanan TPK boleh dilaksanakan melalui dalam talian atau di mana-mana kaunter cawangan JPD.

Manakala, jika penender ingin menyerahkan TPK berkenaan, pensyaratannya perkhidmatan serah adalah seperti berikut, iaitu penender dikehendaki membuat bayaran perkhidmatan serah berjumlah BND5, TPK hanya boleh diserahkan selepas tempoh 12 bulan daripada tarikh surat berjaya, dan TPK boleh diserahkan kurang daripada 12 bulan daripada tarikh surat berjaya dengan syarat TPK berkenaan telah digunakan (didaftarkan) atas nama pemilik TPK.

Sementara, penender yang gagal untuk membayar harga tawaran TPK yang ditawarkan akan disenaraihitamkan daripada menyertai tarawan tertutup bagi tempoh satu tahun dan TPK berkenaan akan ditawarkan semula.

JPD sukacita ingin mengucapkan tahniah kepada para penender yang berjaya dan seterusnya merakamkan ucapan terima kasih kepada semua penender atas kerjasama dan sokongan yang diberikan.

Bagi sebarang pertanyaan, orang ramai bolehlah menghubungi JPD semasa waktu pejabat melalui WhatsApp +673 7181641 atau melalui e-mel hello@jpd.bn.

Orang ramai juga boleh melayari laman sesawang www.jpd.gov.bn dan Instagram @jpd.bn bagi maklumat lanjut.



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 12 September.

- Pesuruhjaya Kehakiman, Yang Arif Haji Abdullah Soefri bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin telah membenarkan rayuan Timbalan Pendakwa Raya terhadap pembebasan dan menjatuhkan penghakiman yang membatalkan pembebasan seorang penduduk tetap, Chin Chee Vun, 55 tahun.

Defendant, Chin Chee Vun selaku pengurus sebuah syarikat penghantaran barang, didakwa di Mahkamah Tinggi atas satu kesalahan bersubhat di bawah Bab 6(b) Akta Pencegahan Rasuah, Penggal 131 dibaca bersama Bab 13, di bawah akta yang sama.

Mahkamah Tinggi memutuskan bahawa penemuan Majistret Kanan adalah jelas bertentangan dengan bukti yang diperoleh semasa siasatan yang dijalankan oleh Biro Mencegah Rasuah.

Mahkamah Tinggi memutuskan bahawa berdasarkan keterangan yang dikemukakan oleh pendakwaan di perbicaraan, Chin Chee Vun telah menghasut pegawai bawannya untuk memberi wang secara rasuah kepada seorang ejen, seorang Pegawai Pemeriksa Kastam wanita, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, sebagai dorongan atau ganjaran untuk tidak mengambil apa-apa tindakan terhadap orang

bawahan tersebut untuk sebarang pelanggaran yang berkaitan pengisytiharan kastam pada Oktober 2021.

Timbalan Pendakwa Raya, Hajah Rozaimah binti Haji Abd. Rahman telah menghadapkan di Mahkamah Rayuan bahawa Majistret Kanan telah terkhilaf dari segi undang-undang dan / atau fakta yang mana penemuan Majistret Kanan adalah jelas bertentangan dengan keterangan dan bukti-buktinya yang dikemukakan semasa perbicaraan.

Majistret Kanan telah gagal untuk mempertimbangkan keterangan saksi pendakwaan yang diberikan oleh pegawai bawahan defendant yang telah dipanggil untuk memberi keterangan.

Orang bawahan tersebut sebelum ini mengaku bersalah atas pertuduhan di bawah Seksyen 6(b) Akta Pencegahan Rasuah pada 13 Julai 2022, yang mana dia dijatuhi hukuman penjara selama lapan bulan, yang mana permulaan dihukum selama 12 bulan.

Dia disabitkan bersalah memberi suapan sebanyak BND20 secara rasuah kepada seorang ejen, seorang Pegawai Pemeriksa Kastam wanita di JKED, Kementerian Kewangan dan Ekonomi di Kaunter Pembayaran Balai Pengawal Kastam dan Pejabat Pos Pelabuhan Muara, di Muara.

Mahkamah menetapkan 24 September ini bagi menjatuhkan hukuman dan jika didapati bersalah, defendant akan dikenakan denda BND30,000 dan penjara selama tempoh tujuh tahun.

Cubaan seludup barang tegahan berjaya dipatahkan



ANTARA barang tegahan yang berjaya didapati semasa siasatan dijalankan oleh Polis Marin, Pasukan Polis Diraja Brunei (atas dan bawah).

Siaran Akbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 12 September. - Polis Marin (PolMar), Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) telah berjaya mematahkan satu percubaan membawa masuk barang tegahan melalui perairan negara.

Pada kejadian awal pagi tadi, bot peronda PolMar telah mengesan sebuah perahu mencurigakan bergerak laju dari sempadan negara jiran masuk ke perairan Sungai Brunei. Kejar-mengejar berlaku yang akhirnya suspek lari meninggalkan perahu di kawasan bakau sekitar kawasan Kampung Sungai Bunga.

Hasil siasatan mendapati perahu sarat mengandungi barang-barang tegahan iaitu, 1,899 karton rokok dan sebotol minuman keras. Kesemua barang tegahan termasuk perahu yang digunakan penyeludup, telah diserahkan ke pihak Jabatan Kastam dan Eksais Diraja untuk tindakan selanjutnya.

PPDB berharap orang ramai yang ada maklumat tentang mana-mana aktiviti yang menyalahi undang-undang di negara ini untuk terus berhubung ke Balai Polis berdekatan atau melalui Talian Hotline 993.



PUISI

Nabi junjungan pembawa kedamaian & keimanan

Saat gelap-gelita menyelimuti bumi
Saat kezaliman menyebar ke merata negeri
Dikau hadir membawa penerang kedamaian di bumi ini
Tentang keagungan-Nya Yang Maha Tinggi

Hidupmu untuk memerangi kemungkaran
Menyebarkan keimanan dan ketakwaan
Memohonkan keampunan kepada umatnya yang melakukan
kemungkaran

Itulah dia Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Nabi akhir
zaman memberi tuntunan

Engkau datang menembusi dinding kegelapan
Saat jahiliyah menguasai zaman, dunia dilanda kesuraman
Hadirmu Muhammad menjadi pelita menerangi jalan
Allah jadikanmu pemimpin umat Islam

Kepadamalah Al-Quran diturunkan
Perintah Allah Subhanahu Wata'ala yang harus engkau ajarkan
Engkaulah nabi pengakhir zaman
Tuntunanmu menjadi suri teladan

Mengajarkan kami erti keimanan
Membimbing ke jalan kebaikan menuju ketakwaan
Ya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam
Kepadamu selawat serta salam kami panjatkan
Semoga kami umatmu mendapat pengampunan.

Nukilan : Dur'anun
6 September 2024

ROMBONGAN Muslimah Masjid Kampung Lambak Kanan mengadakan Majlis Berdikir secara bergilir-gilir sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 1446 Hijrah.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 September. - Umat Islam di seluruh dunia memperingati Hari Keputeraan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, iaitu yang dikenali sebagai Maulidur Rasul yang disambut setiap 12 Rabiulawal bulan Hijrah.

Dalam pada itu, di negara kita juga tidak ketinggalan memperingati keputeraan Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam dengan mengadakan pelbagai acara keagamaan, seperti Majlis Dikir Syarafil Anam selama 12 malam berturut-turut di masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat seluruh negara.

Sehubungan itu, Majlis Berdikir diadakan oleh rombongan Muslimah Masjid Kampung Lambak Kanan sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 1446H.

Salah seorang ahli Muslimah masjid berkenaan, Dayang Hajah Noorjahan binti Haji Madarshah ketika ditemu bual menjelaskan bahawa ini adalah tradisi tahunan bagi Kumpulan Muslimah Masjid Lambak Kanan dengan mengadakan Majlis Dikir secara bergilir di rumah-rumah kediaman ahli.



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Ihsan Hajah Noorjahan Haji Madarshah

Katanya, aktiviti ini adalah untuk menyemarakkan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

"Pada malam terakhir Majlis Dikir di masjid, ahli Muslimah akan memulakan aktiviti Majlis Dikir ke rumah-rumah ahli dangiliran beliau akan mengadakan Majlis Dikir di rumahnya pada Jumaat, 20 September 2024," jelasnya.

Menurut beliau lagi, Majlis Dikir akan bermula kira-kira jam 2.30 petang untuk memberi laluan kepada Sembahyang Fardu Jumaat. Antara aktiviti yang akan dijalankan semasa majlis itu nanti adalah dikir beramai-ramai

Ini adalah untuk memberi laluan kepada Majlis Dikir di Masjid Kampung Perpindahan Lambak Kanan yang telah bermula pada 4 September 2024 dan akan berterusan selama 12 malam.

beramai-ramai pengampunan.

Rasulullah teladan utama setiap aspek kehidupan

Siaran Akhbar dan Foto : Pusat Da'wah Islamiah



ROMBONGAN Dikir Bersama Muallaf sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1446 Hijrah / 2024 Masihi yang dikendalikan oleh Bahagian Pembangunan Muallaf (Pengupayaan Muallaf), Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama diteruskan lagi di Bangunan Persatuan Sinar Islam (PSI), Daerah Belait (atas dan kiri).

KUALA BELAIT, Khamis, 12 September. - Rombongan Dikir Bersama Muallaf sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1446 Hijrah / 2024 Masihi yang dikendalikan

oleh Bahagian Pembangunan Muallaf (Pengupayaan Muallaf), Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama diteruskan lagi di Bangunan Persatuan Sinar Islam (PSI), Daerah Belait.

Majlis tersebut disertai oleh kira-kira 60 orang terdiri daripada ahli-ahli Persatuan Sinar Islam, para mualaf dan penduduk kampung sekitarnya serta rombongan daripada PDI yang diketuai oleh Pegawai Ugama Kanan, PDI, Awang Ruslan bin Haji Sulaiman. Majlis dimulakan dengan

bacaan Surah Al-Fatihah, dan diteruskan dengan tazkirah bertajuk 'Contoh Akhlak Rasulullah Dalam Kehidupan' yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Unit Da'wah Daerah Belait, Dayang Siti Ramziah binti Haji Mohamad Ramli.

Antara inti pati tazkirahnya, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam merupakan teladan utama dalam setiap aspek kehidupan seorang Muslim. Akhlak dan perilaku Baginda tidak hanya memberikan panduan spiritual atau rohani, bahkan juga boleh menjadi contoh praktikal

yang relevan untuk diterapkan dalam kehidupan sehari-hari.

Majlis diserikan lagi dengan Dikir Syarafil Anam dan diikuti dengan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Majlis Dikir bersama mualaf di pedalaman ini diadakan bertujuan untuk menggalakkan para mualaf melibatkan diri dengan aktiviti atau majlis keagamaan dan membesarkan Hari-hari kebesaran Islam yang antaranya berlaku pada setiap 12 Rabiulawal Tahun Hijrah iaitu tarikh kelahiran junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.



PENOLONG Pegawai Perkembangan Ugama, Unit Da'wah Daerah Belait, Dayang Siti Ramziah binti Haji Mohamad Ramli semasa menyampaikan tazkirah bertajuk 'Contoh Akhlak Rasulullah Dalam Kehidupan'.

22 GURU HADIRI BENGKEL AI TOOLS



SERAMAI 22 guru subjek Travel and Tourism yang terdiri daripada sekolah menengah dan maktab kerajaan serta sekolah menengah swasta menghadiri Bengkel AI Tools di Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah, Universiti Brunei Darussalam.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 September. - Seramai 22 guru subjek Travel and Tourism yang terdiri daripada sekolah menengah dan maktab kerajaan serta sekolah menengah swasta menghadiri Bengkel AI Tools di Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah, Universiti Brunei Darussalam, di sini.

Dalam bengkel tersebut,

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Sekolah-Sekolah

Penolong Profesor Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah, Dr. Desmond Tan, selaku fasilitator memperkenalkan lima AI tools yang berguna seperti Gamma.app, Pictory.Ai, Eduaide.Ai, App.Diffit.me dan Autoclassmate.IO yang boleh digunakan oleh guru untuk

meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran mereka.

Bengkel tersebut telah dianjurkan oleh guru subjek Travel and Tourism, Dayang Hajah Fazeda binti Haji Abdulkhan dan Awang Haji Hairol Azman bin Haji Gapar dari Sekolah Menengah Rimba 2.

Sentiasa Mengekalkan Jarak Selamat

Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada ANDA dan SAYA

- Always Wear a seatbelt
- No mobile phones while driving
- Speeding is dangerous
- Do not drive under influence
- Wear helmet and proper attire while riding
- Always watch out for other road users
- Always check tyres

www.mkkjr.gov.bn

Pada akhir bengkel, Setiausaha Subject Based Committee (SBC) Travel and Tourism, Awang Amir bin Haji Hassan dari Sekolah

Menengah Sayyidina Husain telah menyampaikan sijil penghargaan dan cenderahati kepada fasilitator dan pengajar bengkel.



Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Ihsan Ubi Senyum

DALAM dunia masakan, trend makanan berkembang sangat pesat dan salah satu makanan ringan yang baru-baru ini berjaya menarik perhatian ramai ialah Jacket Potato. Apakah yang dimaksudkan dengan Jacket Potato itu? Ia adalah kentang panggang yang dimasak dengan kulitnya dan dibakar sehingga bahagian dalamnya lembut dan bahagian luarnya pula garing. Nama 'Jacket' merujuk kepada kulit kentang yang tidak dikupas, memberikan tekstur dan rasa tambahan apabila dinikmati. Masyarakat lebih mengenalinya dengan panggilan 'Spud Potato', yang mana hidangan ini sangat popular sebagai santapan atau snek ringan yang mudah dibuat dan boleh dihidangkan dengan pelbagai topping.

Jacket Potato mudah disediakan dan hanya perlu beberapa bahan asas seperti kentang, minyak, garam dan topping pilihan. Proses memasaknya juga mudah dengan hanya membakar kentang yang dibungkus dengan *aluminium foil* di dalam ketuhar sehingga masak. Pemilihan kentang adalah penting, sebaiknya yang berukuran besar dan memiliki kulit yang halus.

Salah satu tarikan utama Jacket Potato ini adalah kebebasan dalam memilih *topping* yang pelbagai. Pilihan terdiri daripada *topping* ringkas seperti mentega dan keju kepada kombinasi yang lebih kompleks seperti tuna mayo, kacang panggang (*baked beans*), salad sayuran segar, sos bolognese daging atau ayam dan *mixed herbs* untuk memberi kesedapan rasa pada Jacket Potato tersebut.

Jacket Potato telah menjadi sebahagian daripada trend masakan global dan telah berjaya menembusi pasaran Negara Brunei Darussalam (NBD). Walaupun negara ini terkenal dengan masakan tradisionalnya, namun Jacket Potato menawarkan makanan moden yang ringan tetapi tetap mengenyangkan. Selain itu, populariti Jacket

'Jacket Potato' makanan pilihan masyarakat masa kini

Potato ini juga sebahagian besarnya didorong oleh generasi muda yang gemar mencuba makanan baharu lebih-lebih lagi yang tular di media sosial. Foto dan video hidangan yang dikongsi di platform seperti Instagram, Facebook dan TikTok sangat membantu mengembangkan popularitinya.

Di negara kita sendiri juga terdapat sebilangan pengusaha yang turut memperkenalkan menu seumpamanya yang diberi nama Ubi Senyum. Terdapat juga pengusaha Ubi Senyum yang menghasilkan Jacket Potato berdasarkan dari rumah (*home-based*) dan alasan memilih Jacket Potato sebagai menu perniagaannya adalah disebabkan ia tular di sosial media dan memandangkan di negara ini belum ada peniaga yang menjual Jacket Potato pada masa itu dengan menyesuaikan menu mengikut selera masyarakat di negara ini.

Perniagaan yang baru saja mula beroperasi pada tahun ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat. Mereka sangat berpuas hati dengan kualiti dan kuantiti hidangan yang dijual apatah lagi harga yang ditawarkan juga harga mampu milik. Ramai pelanggan sanggup beratur panjang dan menunggu berjam-jam untuk mendapatkan hidangan yang menyebabkan makanan ini laris terjual dalam masa singkat.

Pelbagai variasi pilihan pada menu yang ditawarkan oleh Ubi Senyum juga menjadi tarikan kepada pelanggan di mana mereka boleh memilih dan menambah *topping* mengikut cita rasa sendiri dengan kadar harga BND4 hingga BND6 dan antara yang paling banyak permintaan adalah black

pepper dan BBQ beef.

Menyediakan Jacket Potato sememangnya terdapat pelbagai cabaran antaranya seperti mengambil masa yang lama untuk memasak hidangan tersebut lebih daripada empat jam penyediaan serta mempertahankan kualiti makanan tersebut agar kesegarannya terjaga sepanjang hari.

Meskipun Jacket Potato ini hidangan searian bagi masyarakat negara barat, ia juga terkenal di negara-negara lain termasuk di NBD yang mana penyediaan hidangan mengikut cita rasa dan sentuhan khas tersendiri. Oleh yang demikian, orang ramai bolehlah mencuba membuatnya di rumah mengikut resepi yang tersedia dan selera masing-masing.



INFO Teknologi



Berhati-hati guna Wi-Fi awam, elak aplikasi diceroboh berisiko kena godam

PUBLIC Wi-Fi merujuk kepada rangkaian internet tanpa wayar yang disediakan secara percuma atau terbuka kepada orang ramai di tempat-tempat awam seperti kafe, perpustakaan, lapangan terbang, pusat beli-belah, atau restoran. Rangkaian ini membolehkan pengguna menyambung ke internet menggunakan peranti mereka seperti telefon pintar, komputer riba, atau tablet tanpa perlu menggunakan data mudah alih mereka sendiri. Walau bagaimanapun, pengguna public Wi-Fi sering kali dinasihatiti untuk berhati-hati kerana ianya kurang selamat kerana terbuka kepada semua orang, ini boleh menimbulkan risiko keselamatan seperti serangan siber atau kecurian data.

Risiko penggunaan Wi-Fi awam

Penggunaan Wi-Fi awam mempunyai beberapa risiko keselamatan, antaranya serangan Man-in-the-Middle (MITM) di mana penyerang atau penggodam boleh memintas data yang dihantar antara peranti pengguna dan Wi-Fi, seperti maklumat log masuk, e-mel, atau data perbankan. Selain itu, pengguna juga boleh terdedah kepada rangkaian Wi-Fi palsu dan serangan malware. Penggodam boleh mewujudkan rangkaian Wi-

Fi tiruan yang kelihatan sah dan apabila pengguna menyambung kepada rangkaian ini, penggodam boleh mencuri maklumat mereka. Dengan serangan malware pula, Wi-Fi awam boleh digunakan untuk menyebarkan perisian hasad ke peranti si pengguna jika tidak mempunyai perlindungan yang baik. Selain itu, pengintipan aktiviti dalam talian pengguna boleh juga terjadi apabila si pengguna melayari laman sesawang maklumat yang dihantar, boleh dipantau oleh penggodam yang berada dalam rangkaian yang sama.

Apabila penggodam berjaya mengintip aktiviti dalam talian seseorang, mereka boleh melakukan pelbagai tindakan berbahaya seperti mencuri maklumat sensitif seperti nombor kad kredit, kata laluan, alamat, atau butiran akaun bank, menggunakan maklumat peribadi mangsa untuk melakukan penipuan, seperti membuka akaun bank palsu atau membuat pembelian dalam talian menggunakan nama mangsa. Penggodam juga mungkin menggunakan maklumat yang mereka peroleh untuk memanipulasi mangsa agar mendedahkan lebih banyak maklumat atau melakukan tindakan yang merugikan. Selain menggunakan kata laluan yang dicuri untuk mengakses akaun e-mel, media sosial, atau perkhidmatan dalam talian lain

untuk menyebarkan kandungan berniat jahat atau mencuri maklumat lanjut.

Selain dari berwaspada apabila menggunakan rangkaian Wi-Fi awam, pengguna juga perlu peka dan tahu bagaimana mengenal pasti ciri-ciri laman sesawang yang tidak selamat. Beberapa tanda yang perlu diperhatikan untuk mengenal pasti ciri-ciri laman sesawang yang tidak selamat ialah seperti ketidaaan 'HTTPS'. Jika laman sesawang hanya menggunakan 'HTTP' tanpa 'S' yang bererti secure, ia bermakna laman sesawang tersebut tidak mempunyai sambungan yang selamat. Elakkan memasukkan maklumat peribadi di laman sebegini. Pelayar moden seperti Chrome atau Firefox sering memberi amaran jika awda cuba mengakses laman sesawang yang tidak selamat atau berbahaya. Jangan abaikan amaran ini. Laman sesawang yang tidak selamat sering dipenuhi dengan pop-up yang mencurigakan, menawarkan tawaran yang terlalu baik untuk dipercayai, atau meminta pengguna memuat turun sesuatu.

Ciri-ciri lain laman sesawang yang tidak selamat seperti, kesalahan ejaan dan tatabahasa. Laman sesawang yang kurang selamat atau palsu sering mempunyai banyak kesalahan ejaan dan tatabahasa yang tidak profesional dan juga URL yang kelihatan aneh,

seperti penggunaan nombor atau simbol yang pelik. Ini salah satu petunjuk bahawa laman tersebut mungkin tidak boleh dipercayai. Jika laman sesawang meminta maklumat peribadi yang tidak berkaitan dengan tujuan asal, ini mungkin petanda laman tersebut berniat jahat. Pengguna juga perlu memerhatikan jika laman sesawang yang dilayari itu mempunyai maklumat hubungan yang jelas. Laman sesawang yang selamat biasanya mempunyai maklumat hubungan yang lengkap seperti alamat fizikal, nombor telefon, dan e-mel rasmi. Laman sesawang yang mencurigakan mungkin tidak menyertakan maklumat ini. Pengguna juga boleh memeriksa ulasan pengguna lain mengenai laman sesawang tersebut. Jika ramai pengguna melaporkan pengalaman buruk, ia mungkin tidak selamat. Dengan mengingati ciri-ciri ini, pengguna dapat mengelakkan laman sesawang yang berisiko dan melindungi maklumat peribadi awda semasa melayari internet.


Langkah berjaga-jaga yang boleh diambil apabila menggunakan Wi-Fi awam

Antara langkah berjaga-jaga yang boleh diambil apabila menggunakan Wi-Fi awam ialah dengan menggunakan VPN atau Virtual Private Network. Fungi

Oleh : Nurhamiza Haji Roslan
Foto : Ihsan Freepik, Vecteezy

VPN ialah untuk menyulitkan data dan melindungi privasi pengguna daripada pihak yang mungkin cuba mengintip. Pengguna juga boleh mengelakkan akses kepada maklumat sensitif seperti maklumat akaun bank, e-mel dan maklumat peribadi apabila menggunakan Wi-Fi awam. Pengguna juga perlu mematikan perkongsian fail untuk mengelakkan akses tanpa kebenaran dan memilih untuk peranti melupakan rangkaian selepas digunakan supaya peranti tidak secara automatik bersambung lagi pada masa hadapan. Pengguna juga perlu sentiasa memastikan peranti yang digunakan dikemas kini untuk melindungi daripada kelemahan keselamatan dan mengamalkan penggunaan dua faktor apabila mereka perlu log masuk ke akaun penting untuk lapisan keselamatan tambahan.

Dengan langkah-langkah ini, risiko keselamatan semasa menggunakan Wi-Fi awam dapat diminimumkan. Langkah berjaga-jaga yang lain seperti menggunakan perisian keselamatan, kata laluan yang kuat, dan mengamalkan amalan dalam talian yang selamat juga sangat penting untuk melindungi diri daripada serangan dalam talian daripada pengodam.





Maulud dekatkan umat, memperdalam cinta kasih pada nabi

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Jabatan Penerangan

KEDATANGAN Rabiulawal, mengikut takwim Hijrah, merupakan saat yang dinanti-nantikan oleh umat Islam di seluruh dunia dan pada bulan inilah lahirnya insan paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala, insan yang paling disayangi dan dikagumi sebagai syiar Islam kerana diutus untuk menyempurnakan syariat Allah Subhanahu Wata'ala di muka bumi iaitu Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Setiap tahun umat Islam akan mengadakan Majlis Memperingati Hari Keputeraan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang jatuh pada setiap 12 Rabiulawal bersamaan 16 September 2024 Masihi bermula jam 7.00 pagi.

Seperi lazimnya, Negara Brunei Darussalam (NBD) yang merupakan sebuah Negara Zikir tidak ketinggalan dalam menyemarakkan dan memperingati tarikh keputeraan Baginda dengan acara Perarakan Maulud Nabi di seluruh negara selain mengadakan ceramah-ceramah khas dan yang berunsur keagamaan.

Terdahulu majlis sambutan dimulakan dengan Majlis Dikir selama 12 malam berturut-turut di kesemua masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat seluruh negara.

Selain kita juga disarankan

memperbanyak selawat ke atas Junjungan kita, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam untuk mendapatkan keberkatan dan keredaan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Ia juga sebagai membesar dan memuliakan Junjungan kita Nabi Muhammad dan sebagai tanda kecintaan kita kepada Baginda.

Perhimpunan dan perarakan Majlis Sambutan Maulud

Perhimpunan dan perarakan Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1446H akan diadakan serentak di seluruh negara pada Isnin, 12 Rabiulawal 1446H bersamaan 16 September 2024 Masihi bermula jam 7.00 pagi.

Seperi lazimnya, di NBD, acara kemuncak perhimpunan sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam diadakan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan, di mana kita umat Islam akan sama-sama menyertai perarakan tersebut dengan melaungkan selawat ke atas Baginda Nabi Muhammad sebagai ingatan dan kasih sayang kita terhadap Baginda dan mengharapkan akan syafaat dan kedudukan utama di sisi Rasulullah pada hari kiamat kelak.

Huraian tema sambutan

Tema Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam pada tahun

ini ialah 'Memelihara Akal Berpandukan Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam' di mana memelihara akal berpandukan sunnah adalah sangat penting demi meraih kesejahteraan kehidupan individu mahupun masyarakat, bangsa, negara dan agama. Dengan memelihara akal berpandukan sunnah Baginda akan dapat membantu seseorang menjalani kehidupan penuh dengan ketakwaan, ketenangan dan hikmah.

Akal memainkan peranan yang sangat penting bagi setiap manusia untuk memastikan kelangsungan hidup yang terancang dan ketinggian syiar Islam. Kesejahteraan hidup akan boleh dicapai, jika akal dipelihara dengan sebaiknya dan meneladani keperibadian berpandukan sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Pembukaan Bilik Rambut Mulia Rasulullah sempena Maulud

Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB) tidak ketinggalan dalam mengimarahkan membesarkan bulan ini. Sehubungan itu, pembukaan Bilik Rambut Mulia Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam akan diadakan selama sebulan sepanjang bulan Rabiulawal 1446H bermula 5 September hingga 3 Oktober 2024.

Koleksi artifak Rambut Mulia Rasulullah

Sallallahu Alaihi Wasallam merupakan di antara bahan koleksi berharga dan tidak ternilai terdapat di balai berkenaan. Orang ramai adalah dialu-alukan mengambil peluang ini untuk ber'tabarruk' dengan Rambut Mulia Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam di samping memperbanyak berselawat ke atas Baginda. Galeri-galeri pameran di BKISHHB dibukakan untuk kunjungan orang ramai bermula dari jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang pada setiap hari kecuali Jumaat.

Makna tabarruk itu ialah mengharapkan keberkatan dan kebaikan daripada sesuatu mulia terutama yang ditetapkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Sepertimana diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Imam Muslim mengenai bertabarruk dengan Rambut Mulia Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bahawa Baginda telah membahagikan rambut Baginda kepada para sahabat dan membenarkan mereka bertabarruk dengannya.

"Daripada Anas bin Malik Radiallahuanhu bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam datang ke Mina. Kemudian Baginda mendatangi Jamrah dan melemparnya. Setelah itu, Baginda mendatangi tempatnya di Mina dan melakukan korban. Baginda berkata kepada tukang cukur : "Cukurlah!" dengan isyarat arah kanannya, lalu arah kirinya. Kemudian Rambut Mulia tersebut diberikan kepada orang ramai." (Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim).



MAGHRIBI SAHKAN KES PERTAMA MPOX



RABAT, 13 Sept. - Kementerian Kesihatan dan Perlindungan Sosial Maghribi melaporkan kes pertama Mpox di bandar selatan Marrakech pada Khamis, Xinhua memetik laporan agensi berita rasmi MAP.

Ini merupakan kes pertama yang dilaporkan di Maghribi di tengah-tengah wabak baharu di peringkat global.

Menurut kementerian, pesakit kini berada dalam keadaan stabil dan menerima rawatan perubatan yang sewajarnya.

Langkah pengasingan dan pemantauan dilaksanakan mengikut piawaian kesihatan nasional dan antarabangsa.

Siasatan epidemiologi sedang dijalankan untuk mengesan semua kontak rapat pesakit dan tiada simptom terhadap semua kontak rapat itu setakat ini, menurut laporan itu.

Kementerian turut menggesa rakyat agar merujuk kepada sumber rasmi untuk mendapatkan maklumat yang tepat bagi mengelakkan penyebaran khabar

angin dan maklumat salah.

Pihaknya juga menasihatkan orang ramai agar mengamalkan langkah-langkah pencegahan termasuk kerap mencuci tangan, mengelakkan kontak langsung dengan individu yang dijangkiti atau disyaki, serta menjaga kebersihan diri.

Maghribi melaporkan kes Mpox pertamanya pada 2022.

Pada 14 Ogos, Pertubuhan Kesihatan Sedunia mengisyiharkan wabak Mpox di Afrika sebagai kecemasan

kesihatan awam yang menjadi kebimbangan antarabangsa, berikutan kemunculan varian yang lebih berbahaya, clade 1b yang kali pertama dikesan di

Republik Demokratik Congo pada September 2023. - ©BERNAMA

Lebih 552,000 kanak-kanak di Gaza terima dos pertama vaksin polio - WHO

GENEVA, 13 Sept. - Kempen vaksinasi polio pusingan pertama di Semenanjung Gaza kini hampir selesai dengan lebih 552,000 kanak-kanak menerima dos pertama vaksin itu, menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada Khamis.

Sambutan terhadap kempen ini amat menggalakkan dan ibu bapa berusaha sedaya upaya memastikan anak mereka tidak terlepas daripada menerima vaksin, kata wakil WHO Richard Peepernoy menerusi panggilan video dari Semenanjung Gaza, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Kempen itu dijangka selesai pada Khamis.

Kanak-kanak di Gaza dijadualkan menerima dos kedua vaksin itu menerusi kempen seterusnya yang dijangka bermula dalam tempoh empat minggu.

Kempen ini dijalankan selepas tiga kes polio dikesan di zon konflik yang padat dengan penduduk pada Julai lalu.

Kes polio pertama dalam tempoh 25 tahun baru-baru ini dikesan di Semenanjung Gaza.

Pakar kesihatan bimbang wabak polio mungkin berlaku susulan ratusan ribu orang yang hilang tempat tinggal terpaksa hidup dalam keadaan yang sesak.

Lebih 90 peratus kanak-kanak perlu divaksinasi untuk mencegah penularan polio, yang boleh menyebabkan lumpuh, menurut angka WHO. - ©BERNAMA

China, Rusia sepakat tingkatkan komunikasi strategik

SAINT PETERSBURG, 11 Sept. - China bersedia meningkatkan komunikasi strategik dengan Rusia demi memperkayakan konotasi strategik hubungan kedua-dua negara.

Ketua Pejabat Hal Ehwal Luar Jawatankuasa Pusat Parti Komunis China (PKC), Wang Yi berkata demikian ketika menemui Setiausaha Majlis Keselamatan Persekutuan Rusia, Sergei Shoigu di sini, pada Selasa.

Dalam pertemuan itu, Wang mengatakan bahawa China dan Rusia mengekalkan komunikasi di pelbagai peringkat, melaksanakan konsensus penting

yang dicapai pemimpin kedua-dua negara, mengukuhkan asas politik dan sosial bagi hubungan jiran bersahabat, di samping memperkasakan kerjasama strategik komprehensif dan saling untung.

Beliau menegaskan bahawa China bersedia meningkatkan komunikasi strategik dengan Rusia, memaksimumkan peranan mekanisme perbincangan keselamatan strategik China-Rusia dan mekanisme mesyuarat perwakilan keselamatan BRICS untuk memperkayakan konotasi strategik hubungan kedua-dua negara.

Shoigu berkata pihaknya bersedia memperkasakan komunikasi strategik dan koordinasi dengan China untuk menjayakan Sidang Kemuncak BRICS yang bakal diadakan di Kazan pada bulan depan.

Wang dan Shoigu juga berkesempatan bertukar-tukar pendapat tentang krisis di Ukraine.

Wang menekankan bahawa China mempertahankan prinsip objektif dan adil dalam isu Ukraine dan akan terus berusaha untuk mendorong gencatan senjata dan penyelesaian krisis melalui cara politik dengan secepat mungkin. - ©BERNAMA

Sesi ke-79 Perhimpunan Agung PBB dibuka

NEW YORK, 11 Sept. - Sesi ke-79 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) dibuka pada Selasa oleh Philemon Yang, presiden baharu Perhimpunan Agung, lapor Xinhua.

Dalam ucapan pembukaannya, Yang berkata dunia sedang menghadapi banyak cabaran, seperti perubahan iklim yang memusnahkan planet ini dan mengancam nyawa serta masyarakat selain konflik dan keganasan bersenjata yang berlarutan dari Sudan ke Haiti, dan dari Ukraine ke Gaza, 'meninggalkan jejak kematian', kemasuhan dan penderitaan di seluruh dunia.

"Penderitaan akibat kemiskinan dan kebuluran masih berterusan," katanya sambil menambah bahawa prasangka dan kebencian – sering diperkuatkan oleh alat digital baharu yang membawa peluang tetapi juga risiko – terus mencetuskan ketegangan dan persengketaan. Beliau menyeru agar Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan prinsip kerjasama antarabangsa dijadikan panduan dalam menangani cabaran itu.

Menegaskan bahawa kerjasama antarabangsa masih menjadi alat paling berkesan untuk menangani

isu-isu mendalam yang tidak mempunyai sempadan, Yang berkata: "Kerjasama antara negara anggota membolehkan kita memanfaatkan sumber kolektif dan kepintaran untuk merealisasikan aspirasi tertinggi manusia seperti keamanan, keadilan, dan pembangunan mampan.

"Perhimpunan Agung PBB adalah platform paling berkuasa untuk merealisasikan janji itu sepenuhnya."

Yang turut menggariskan keutamaan sepanjang tempoh perkhidmatannya dengan menumpukan kepada prinsip perpaduan dalam kepelbagaian, kemajuan keamanan, pembangunan mampan, dan "komitmen menyeluruh dan tanpa kompromi terhadap maruah manusia untuk semua orang di mana-mana sahaja."

Keutamaan lain termasuk penggunaan pelbagai bahasa dalam kerja-kerja Perhimpunan Agung, serta kesaksamaan jantina dan pemerkasaan wanita. Beliau mengulangi komitmen untuk melaksanakan mandat Perhimpunan Agung, termasuk reformasi Majlis Keselamatan,

'penggantian semula' Perhimpunan Agung, dan Sidang Kemuncak UNGA kekal sebagai alat yang sangat diperlukan dan laluan penting ke arah masa depan yang aman dan adil untuk semua orang. Yang, yang berasal dari Cameroon telah mengangkat sumpah pada penutupan sesi ke-78 UNGA pada pagi Selasa. - ©BERNAMA

Menurut Guterres, dalam menghadapi cabaran-cabaran ini, UNGA kekal sebagai alat yang sangat diperlukan dan laluan penting ke arah masa depan yang aman dan adil untuk semua orang. Yang, yang berasal dari Cameroon telah mengangkat sumpah pada penutupan sesi ke-78 UNGA pada pagi Selasa. - ©BERNAMA

Laos pastikan keselamatan jalan raya sepanjang Sidang Kemuncak ASEAN

VIENTIANE, 12 Sept. - Kementerian Keselamatan Awam Laos menganjurkan sesi latihan bagi pegawai polis trafik demi memastikan keselamatan ketat semasa Sidang Kemuncak ASEAN Ke-44 dan Ke-45 serta mesyuarat berkaitan.

Seramai 180 pegawai menyertai latihan yang diadakan di ibu negara Laos, Vientiane dari 10 hingga 15 Sept, lapor Xinhua memetik Lao Security News pada Khamis.

Latihan itu bertujuan untuk memastikan keselamatan dan kelancaran trafik di laluan yang menuju ke lokasi mesyuarat, tempat penginapan, kedutaan, pejabat, dan kawasan-kawasan lain, agar para delegasi dapat melakukan perjalanan dengan selesa.

Latihan itu memberi tumpuan kepada persiapan pegawai untuk menyelaras dengan pihak berkaitan sekiranya berlaku kemalangan dan halangan jalan raya.

Sidang Kemuncak ASEAN Ke-44 dan Ke-45 dijadual berlangsung di Vientiane, pada Oktober. - ©BERNAMA

Ribuan penunjuk perasaan berhimpun di luar ekspos industri pertahanan Australia

SYDNEY, 11 Sept. - Ribuan penunjuk perasaan anti-perang berkumpul pada pagi Rabu untuk berhimpun di luar pameran industri pertahanan di Melbourne, negeri Victoria, Australia, lapor Xinhua yang memetik media tempatan.

Penunjuk perasaan mula berkumpul pada 6 pagi waktu tempatan di luar "Land Forces International Land Defence Exposition" di kawasan pusat perniagaan (CBD) Melbourne, sambil mengibarkan bendera Palestin dan memukul gendang serta melaungkan 'free Palestine' (bebaskan Palestin) di tengah-tengah konflik berterusan di Gaza.

Jalan raya bandar disekat dan perkhidmatan pengangkutan awam terganggu pada pagi Rabu. Menurut media tempatan, polis bertempur dengan penunjuk perasaan dan menggunakan semburan lada apabila objek dilemparkan ke arah pegawai polis berkuda.

Berlangsung dari Rabu hingga Jumaat di Pusat Konvensyen dan Pameran Melbourne, persidangan dwi-tahunan itu telah menarik ratusan syarikat dan organisasi yang memperkenalkan teknologi yang boleh membawa maut.

Kerajaan negeri Victoria memberikan kuasa khas kepada polis di bawah undang-undang antikeganasan untuk memeriksa orang awam dan kenderaan di kawasan sekitar acara itu, serta mengerah anggota polis tambahan untuk meningkatkan kawalan keselamatan. Menteri bagi Industri Pertahanan dan Penyampaian Keupayaan Australia Pat Conroy mengcam protes itu. - ©BERNAMA

PASUKAN NEGARA PAMER PRESTASI MEMBANGGAKAN



PASUKAN Bola Sepak Kebangsaan NBD selamat tiba di tanah air selepas beraksi menentang Pasukan Macau pada perlawanan timbal balik kedua di Stadium Olimpik Macau.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BERAKAS, Rabu, 11 September.

- Pasukan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) berjaya mengesahkan tempat ke pusingan akhir kelayakan Piala Asia AFC Arab Saudi 2027 selepas mara dengan agregat 4 - 0 setelah menewaskan Pasukan Macau melalui dua perlawanan. Dengan kemaraan tersebut, pasukan negara akan berusaha untuk layak ke Piala Asia AFC buat kali pertama.

Sehubungan itu, Pasukan Bola Sepak Kebangsaan NBD selamat tiba di tanah air lewat petang tadi selepas beraksi menentang

Pasukan Macau pada perlawanan timbal balik kedua di Stadium Olimpik Macau, semalam.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengalukan kepulangan pasukan negara ialah Timbalan Presiden FABD, Awang Haji Mahrub bin Haji Murni serta Ahli-ahli EXCO FABD.

Dalam temu bual bersama pihak media, Presiden Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam (FABD), Awang Haji Feisal bin Haji Mohd. Eusoff menzhahirkan kegembiraan dan memuji prestasi pasukan negara sehingga berjaya membawa

negara layak ke pusingan seterusnya.

"Kitani' tidak ketinggalan dari segi cara, sistem permainan dan setentunya dengan jurulatih yang dipinjam daripada skuad DPMM FC, ia banyak membantu mengimbangi dan menyelaraskan para pemain.

"Banyak lagi perkara perlu dibuat, kami perlu membuat sesuatu kerana pusingan seterusnya akan menjadi perlawanan yang sangat sukar kerana pasukan-pasukan yang lainnya merupakan pasukan yang berkualiti dan hebat," ujarnya.

Menurutnya, pasukan bola sepak negara juga akan mengalukan kedatangan ketua jurulatih baharu dari Brazil pada sekitar minggu depan. Beliau turut melahirkan

harapan khususnya para penyokong dan peminat bola sepak untuk turun memberikan sokongan kepada mana-mana perlawanan yang melibatkan skuad bola sepak negara kerana ia banyak membantu meningkatkan semangat para pemain semasa perlawanan.

Sementara itu, Ketua Jurulatih Interim Pasukan NBD, James McAllister berbesar hati kerana diberi peluang untuk menjadi jurulatih sementara bagi skuad pasukan negara dan berbangga dengan prestasi yang ditunjukkan oleh pemain-pemain negara.

Beliau turut menasihatkan agar para pemain akan terus berusaha meningkatkan tahap kecerdasan mereka, teruskan berlatih dan

belajar dan dalam masa yang sama nikmati permainan tersebut.

NBD akan menyertai Afghanistan, Bangladesh, Bhutan, Chinese Taipei, Hong Kong, China, India, Laos, Lebanon, Malaysia, Maldives, Myanmar, Nepal, Pakistan, Filipina, Singapura, Syria, Sri Lanka, Tajikistan, Thailand, Turkmenistan, Timor-Leste, Viet Nam dan Yemen dalam pusingan akhir kelayakan, di mana enam tiket tersedia untuk edisi 2027 kejohanan tersebut.

Undian untuk pusingan ketiga Piala Asia AFC Arab Saudi 2027 akan dijalankan pada bulan Disember di mana perlawanan akan bermula pada bulan Mac 2025, dengan hanya enam pemenang kumpulan akan mara ke Piala Asia.

18 ahli Persatuan Kenderaan Pacuan 4 Roda berlepas ke Kuching, Sarawak



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri semasa menyempurnakan pelepasan bagi ahli Persatuan Kenderaan Pacuan Empat Roda Daerah Tutong yang akan menyertai 7th Sarawak International 4x4 Jamboree 2024 yang akan diadakan pada 14 hingga 20 September 2024 di Betong - Lubok Antu, Kuching, Sarawak (kiri). Sementara gambar atas, Pemangku Pegawai Daerah Tutong diperkenalkan kepada para peserta.

TUTONG, Rabu, 11 September.

- Seramai 18 ahli Persatuan Kenderaan Pacuan Empat Roda Daerah Tutong akan menyertai 7th Sarawak International 4x4 Jamboree 2024 yang akan diadakan pada 14 hingga 20 September 2024 di Betong - Lubok Antu, Kuching, Sarawak.

Acara berkenaan dianjurkan oleh 4x4 Travel and Adventure Club Sarawak (SAKTA) dan diiktiraf di

peringkat antarabangsa.

Pelepasan bagi para peserta acara berkenaan disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis, Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri pada majlis yang berlangsung pagi tadi di Galeri Mandian Puteri, Kampung Tarjung Maya.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha dan Doa Selamat, disusuli dengan tetamu kehormat

majlis diperkenalkan kepada para peserta.

Majlis diteruskan dengan pemasangan pelekat nombor daftar peserta / kenderaan ke kenderaan peserta sebelum pelepasan peserta bermula.

Rombongan dari Negara Brunei Darussalam itu diketuai oleh Yang Di-Pertua Persatuan Kenderaan Pacuan Empat Roda Daerah Tutong, Awang Sha'ari bin Haji Zunaidi

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Alishahrin Haji Mumin

beserta lapan buah kenderaan pacuan empat roda.

Rombongan hari ini berangkat menuju ke Kuching, Sarawak dan akan menyertai Majlis Pelancaran pada 15 September 2024 di Saradise Kuching.

Para peserta kemudian akan memulakan pengembalaan di

Betong - Lubok Antu, dengan jumlah keseluruhan perjalanan yang akan ditempuhi oleh rombongan nanti ialah 1,266 kilometer.

Edisi acara bagi 2024 adalah 'Warrior Trails - The Journey'.

Ia juga akan disertai oleh para peserta daripada pelbagai negara termasuk Australia dan Indonesia.

MOU JAYAKAN KEJOHANAN YAKIN MADANI FUTSAL LEAGUE 2024

SARAWAK, Rabu, 11 September. - HiTUNE Group of Companies dan Yakin Football League (YFL) dari Negara Brunei Darussalam telah mengembangkan sayapnya ke negara jiran, Sarawak dengan menandatangani perjanjian Memorandum Persefahaman (MoU) bagi menjayakan Kejohanan Yakin Madani Futsal League 2024, Miri, Sarawak.

MoU berkenaan menyaksikan HiTUNE Group of Companies dan YFL menjadi penaja premium kejohanan. Ia disokong bersama oleh Quaxa Sport manakala Kelab Rekreasi Wira Jaya Miri dipilih menjadi penyelaras utama liga berprestij berkenaan.

Pengarah Urusan HiTUNE Group of Companies dan YFL, Pengiran Zamri bin Pengiran Haji Bujang melahirkan rasa teruja menjadi sebahagian daripada nadi pengaturan kejohanan tersebut.

"Kami amat berbangga dipilih sebagai Penaja Premium bagi kejohanan ini. Penglibatan kami bukan sahaja berbentuk sokongan kepada sukan futsal tetapi juga sebagai manifestasi komitmen kami untuk memperkuatkukan pembangunan sukan di Sarawak, khususnya di Miri," jelasnya pada Majlis Penandatanganan MoU bagi Kejohanan Yakin Madani Futsal

League 2024 yang berlangsung di Grand Palace Hotel, Miri, Sarawak.

Beliau yakin sumbangan berkenaan akan memberi impak yang sangat signifikan dalam mengangkat populariti sukan futsal serta menjadi inisiatif HiTUNE Group of Companies dan YFL sebagai langkah strategik untuk membuka lembaran baharu dalam kerjasama erat bersama para pemegang taruh di Sarawak Malaysia, khususnya di Miri.

"Kami berazam untuk mencari dan merealisasikan peluang-peluang baharu yang dapat mengembangkan serta memberi manfaat kepada kedua-dua pihak, terutamanya dalam bidang sukan bola sepak, futsal dan pelbagai sukan lain," ujarnya lagi.

HiTUNE Group of Companies melalui YFL telah berjaya memainkan visi dan misi sebagai pengurusan acara sukan (Sports Event Management) dengan sangat positif dan akan terus berkembang untuk membantu menerajui industri sukan di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Ia juga memainkan peranan penting dalam memberi sokongan padu kepada Persatuan Bola Sepak Negara Brunei Darussalam (FABD) dengan berusaha membantu menjayakan program-program bola sepak di NBD dalam

semua peringkat usia termasuk peringkat akar umbi.

Sebelum ini, YFL telah berjaya mengendalikan Liga Remaja HiTUNE Sekolah Sukan yang memberi impak positif kepada kemajuan bola sepak remaja, di samping memberikan sumbangan tajaan kepada beberapa kelab bola sepak di NBD.

"Kami juga berhasrat untuk mengembangkan sayap ke negara jiran, khususnya di kepulauan Borneo dan seterusnya ke peringkat serantau. Hala tuju kami sangat jelas, untuk mencari ruang dan membuka rangkaian kerjasama dalam pelbagai aspek dengan rakan-rakan di rantau ini kerana melalui kerjasama erat, kita dapat mencapai kejayaan yang lebih gemilang serta membina ekosistem sukan yang inklusif dan berdaya saing," ujar Pengarah Urusan HiTUNE Group of Companies dan YFL.

Sementara itu, tetamu kehormat majlis, Ahli Parlimen Miri, Yang Berhormat Chiew Choo Man menyifatkan kejohanan ini sebagai satu fenomena sukan yang dinantikan oleh peminat futsal di seluruh Sarawak, khususnya di Miri.

Katanya, kejohanan ini akan menjadi pentas bagi pemain futsal di Miri, Sarawak, untuk menunjukkan bakat serta sebagai medium untuk

■ Siaran Akhbar dan Foto : HiTUNE Group of Companies



HiTUNE Group of Companies dan Yakin Football League (YFL) dari Negara Brunei Darussalam sebagai Penaja Premium pada Majlis Penandatanganan MoU bagi Kejohanan Yakin Madani Futsal League 2024 yang berlangsung di Grand Palace Hotel, Miri, Sarawak.

mengeratkan hubungan antara masyarakat setempat.

YFL dengan Kelab Rekreasi Wira Jaya Miri.

Pengiran Zamri dan CEO HiTUNE Group of Companies, Herna Nur Imani Muhd. Jeffrey menandatangani bagi pihak HiTUNE Group of Companies dan YFL.

Pengerusi Kelab Rekreasi Wira Jaya Miri, Mohd. Noor Amin bin Bungsu dan Setiausaha Kelab Rekreasi Wira Jaya Miri, Mohd. Arizal bin Djamalludin menandatangani bagi pihak kelab berkenaan. Juga menandatangani MoU ialah Quaxa Sport diwakili Pengurus Operasi, Tracyla bin Jambori dan Darren Kong Pang Yu.

Yakin Madani Futsal League 2024 dijadualkan akan membuka tirai kejohanan pada 26 Oktober 2024 dengan mengehadkan kepada lapan pasukan futsal terbaik di Miri, Sarawak. Kejohanan akan berlangsung selama tujuh minggu dan berakhir pada bulan Disember depan.



SEMASA sesi bergambar ramai pada majlis berkenaan.

Baraka Hike erat silaturahim Fakulti Pertanian

BADAN Pelajar Fakulti Pertanian, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) semasa mengadakan Baraka Hike di Bukit Sumsum, Kampung Katok.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 September. - Badan Pelajar Fakulti Pertanian, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) baru-baru ini mengadakan Baraka Hike, iaitu aktiviti riadah mendaki Bukit Sumsum, Kampung Katok.

Seramai 40 pelajar berserta enam pensyarah dan kakitangan Fakulti Pertanian turut menyertai acara berkenaan bagi sama-sama memeriahkan acara tersebut.

Acara dimulai dengan bacaan Doa Selamat yang diketuai oleh Ketua Keugamaan Fakulti Pertanian, Awang Alif Aiman bin Mahli.

Acara kemudiannya diteruskan lagi dengan senaman ringkas yang diketuai oleh Ketua Sukan, Awang Muhammad Nor Iman bin



Haji Norman dan diikuti dengan sesi bergambar ramai sebelum mulakan aktiviti mendaki selama 40 minit yang diketuai oleh

Dr. Syahirah binti Haji Shahlehi. Antara objektif aktiviti berkenaan diungkayahkan adalah untuk menanamkan sikap suka bersukan

■ Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

bagi kesihatan selain untuk sesama pelajar, tenaga akademik serta kakitangan Fakulti Pertanian.



BRUNEI DPMM FC, BALESTIER KHALSA FC KONGSI MATA



AKSI perlawanan di antara Brunei DPMM FC menentang Balestier Khalsa FC pada Liga Perdana Singapura yang berlangsung di Stadium Jalan Besar, Republik Singapura.

REPUBLIK SINGAPURA, Jumaat, 13 September. - Pasukan Brunei DPMM FC Perdana Singapura (SPL) dengan 14 mata setelah mendapat keputusan seri 2 - 2 menentang Balestier Khalsa FC di Stadium

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Tangkap Layar Youtube Singapore Premier League

Jalan Besar, malam tadi.

Sementara Balestier Khalsa FC melonjak naik di tempat ketiga dengan 23 mata di kedudukan SPL.

Di awal perlawanan menyaksikan Brunei DPMM FC memulakan permainan dengan baik dan memberi tekanan melalui serangan bertali arus menggegarkan pertahanan lawan.

Gol pembukaan Brunei DPMM FC berjaya dijaringkan pada minit ke-14 hasil tandukan Hakeme Yazid Said setelah menerima hantaran daripada Gabriel Gama da Silva.

Meskipun ketinggalan 0 - 1, Balestier Khalsa FC mula menunjukkan taringnya setelah berjaya menggegarkan gawang Brunei DPMM FC sekali gus menyamakan kedudukan 1 - 1 pada minit ke-33 menerusi sepakan Riku Fukashiro.

Brunei DPMM FC kemudian

menggandakan jaringan pada minit ke-42 hasil jaringan Gabriel Gama da Silva.

Bersambung babak kedua perlawanan, kedua pasukan terus memperkemaskan jentera serangan sehingga pada tambahan masa, Balestier Khalsa FC berjaya menyamakan kedudukan menerusi tandukan daripada Ismail Sassi pada saat-saat akhir dan menjadikan kedudukan 2 - 2 kekal sehingga pengadil meniupkan wisel penamat.

Tampines Rovers FC berada di kedudukan tangga teratas dengan 31 mata dan diikuti dengan Lion City Sailors dengan 29 mata di tempat kedua.

Perlawanan seterusnya akan menyaksikan Brunei DPMM FC menentang Tampines Rovers pada Ahad, 22 September 2024 bertempat di Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Kontinjen sepak takraw NBD raih 2 pingat gangsa

Berita dan Foto : Ihsan Awang Roslin Haji Tarak

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 September. - Kontinjen kebangsaan sepak takraw Negara Brunei Darussalam (NBD) selamat kembali ke tanah air setelah mengikuti Kejohanan Piala Raja Thailand Ke-37 (King's Cup 37th year) di Daerah

Korat, Thailand, baru-baru ini.

Kontinjen NBD mengikuti tiga acara, iaitu Men Hoop, Men Regu serta Team Men Regu dan berjaya mengutip dua pingat gangsa daripada acara Men Hoop, dan Men Regu.

Hadir bagi mengalu-alukan ketibaan para pemain kebangsaan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Setiausaha Agung Persatuan Sepak Takraw Negara Brunei Darussalam (PESTABARU), Awang Ramlan bin Haji Mohd. Said; Timbalan Setiausaha Agung PESTABARU, Awang Azman bin Haji Azamain; Setiausaha

PESTABARU, Awang Ibrahim bin Haji Makmun; Bendahari PESTABARU, Awang Haji Yusof bin Haji Tuah; Ahli-ahli Jawatankuasa Pestabaru), Awang Abu Bakar bin Haji Jumaat, dan Awang Roslin bin Haji Tarak serta juga ahli keluarga para pemain.

Kejohanan berkenaan merupakan satu pengalaman yang berharga untuk pemain baharu dan diucapkan syabas serta tahniah kepada pemain kebangsaan, dihasratkan agar para pemain akan lebih berusaha di masa akan datang demi menaikkan nama negara dan sukan sepak takraw.



KONTINJEN kebangsaan sepak takraw Negara Brunei Darussalam (NBD) selamat kembali ke tanah air setelah mengikuti Kejohanan Piala Raja Thailand Ke-37 (King's Cup 37th year) di Daerah Korat, Thailand.

Tahukah Awda

PASUKAN Polis Diraja Brunei telah melakar satu sejarah penting pada 4 Ogos 1974, dengan Pengambilan Pertama Skuad Polis Wanita seramai 30 orang. Penubuhannya telah memberi peluang kepada mereka untuk berganding bahu bersama Polis Lelaki dalam menjaga keselamatan dan keamanan di negara ini. Pada 4 Ogos tahun ini, genaplah usia 50 Tahun Penubuhan Polis Wanita. Sepanjang lima dekad tersebut, jumlah keanggotaannya telah meningkat kepada 774 orang, terdiri daripada 52 pegawai dan 722 anggota pangkat rendah.

SUMBER : Pelita Brunei Ogos 2024

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

MENCINTAI RASULULLAH SALLALLAHU ALAIHI WASALLAM DENGAN BERSELAWAT